Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak: Penerbit Universiti Malaya

NADI insan

OGOS 1980
KDN 0049/80
ISSN 0126-9364
$1

16

Wawancara: Keris Mas

Asas 50: 30 Tahun Kemudian

- Singapura Dilanggar Modal
- AKDN 1960: Selepas 20 Tahun
- Siapa Menggadaikan Kuala Lumpur?
- S. Roomai Noor: Kemunculan Filem Melayu

Kad Hari Raya Aidilfitri

(Lukisan Wajih Nahle, Allahu Akbar, saiz: 7" x 5" serta sampul)

PESAN MELALUI POS

Hanya $2 untuk 5 kad pertama,
dan $1 untuk setiap 3 kad seterusnya.

Alamat INSAN: Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud, Dr. Jomo K.S., C. Ng, Rohana Ariffin.
Pelukis : Jaseni, Lim, H.S. Chia.
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 16

OGOS 1980

wawancara 4 Keris Mas Masih Terhunus
nasional 7 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960,
11 Ditahan Seumur Hidup?
12 Kenapa Ayah Dikenakan Hukum Gantung?
sejarah 14 Siapa Menggadaikan Kuala Lumpur?
kenangan 16 Jesse Owens : Beyond Olympic Gold
antarabangsa 19 Singapura Dilanggar Modal
20 Who Separated Singapore From Malaysia?
buku 23 Pekerja Malaysia Di Singapura;
24 Books by Alex Josey & Noel Barber
kartun 25 Al-Kisah Kapitalisme
seni 29 ASAS 50 & Masyarakat
32 Sendi Dasar "Seni Untuk Masyarakat"
cerpen 35 Menjelang Merdeka
sajak 38 Ini Nasi Yang Kusuap; Seribu Harapan
39 Tanah Melayu; Pak Utih
filem 40 Kemunculan Filem Melayu

Pada tanggal 6 Ogos 1950 beberapa orang penulis di Singapura telah memutuskan bagi menubuhkan sebuah pertubuhan penulis yang dinamakan ANGKATAN SASTERAWAN 50, yang lebih dikenali sebagai ASAS 50. Tiga puluh tahun kemudian, NI mengambil peluang ulangtahun penubuhan ASAS 50 itu untuk merenung kembali sumbangan serta pengaruh badan itu

Perbahasan baru-baru ini mengenai siapa sebenarnya yang membuka Kuala Lumpur telah menarik penyertaan berbagai pihak yang mengutarakan hujah-hujah yang masing-masing mempunyai udang sebalik batu. Sambil orang-orang kosong ini kuat kedengaran, kita harus bertanya: Siapa pula yang menggadaikan ibu kota kita?

Singapura telah dipisahkan dari Malaysia 15 tahun dahulu. Mengikut setiausaha bekas perdana menteri Britain, Maria Williams, ini adalah akibat cita-cita perdana menteri Singapura kini (lihat m.s. 20). Di samping pendedahan ini, seorang pemerhati mengulaskan kesan-kesan pembangunan di Singapura pada tahun-tahun enam dan tujuh puluhan semasa pulau *itu dilanggar modal asing.*

Pada 1hb. Ogos. 1960, Akta Keselamatan Dalam Negeri atau Internal Security Act. Telah menjadi sebahagian dari undang-undang negara ini. Sdr. Azmi Khalid menjelaskan maksud serta isi undang-undang ini yang dianggap bertentangan dengan hak asasi manusia oleh setengah pihak, termasuk Amnesty International.

JIMATKAN WANG
NADI insan TERUS KE RUMAH ANDA

	6 bulan	1 tahun
Harga langganan	$5.50	$10.00
Anda menjimatkan	.50s	$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

_____

_____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara ——	M$16	M$24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand ——	M$16	M$28
Timur Tengah, Eropah ——	M$16 (£4)	M$36 (£9)
Afrika, Amerika ——	M$16 (US$8)	M$44 (US$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

ASAS 50 telah bergema selama tiga puluh tahun dan telah pun meninggalkan warisan yang menggerakkan pemikiran rakyat. Sumbangannnya terhadap pembinaan sastera kebangsaan yang mencabar dan menentang penjajah tidak dapat ditandingi. Walaupun kemerdekaan politik suda tercapai pada tahun 1975, kita masih dijajah dari pemikiran, ekonomi, budaya dan etika hidup. Mungkin zaman sudah bertukar rupa, tetapi semangat menuntut pembebasan tetap membara.

Kami juga berpeluang berbincang dengan Pak Keris Mas tentang issue-issue berkaitan, seperti *seni untuk masyarakat*, kegunaan jawi-rumi dan pengaruh semangat ASAS 50 pada masakini. Terdapat juga sebuah cerpen Pak Keris berjudul *Menjelang Merdeka* (yang sesuai diterbitkan semula pada bulan Ogos), beberapa sajak oleh dua tokoh ASAS 50,, Masuri S.N. dan Usman Awang, serta sebuah petikan mengenai kemunculan filem Melayu dikarang oleh S. Roomai Noor.

Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) telah diwartakan pada bulan Ogos 1970. Tidak boleh dinafikan bahawa akta seperti ini memang terdapat di beberapa buah negara jiran dan di tempat-tempat lain. Undang-undang longgar, yang kononnya digubal untuk menjaga keselamatan negara mudah disalahgunakan untuk mempertahankan kedudukan golongan pemerintah. Oleh kerana Akta ini membolehkan penangkapan seseorang itu tanpa bicara serta pengurungannya untuk selama-lamanya, maka konsep demokrasi yang tulen teranccam. Kami mengemukakan hal ini dengan hasrat membincangkan semula undang-undang demikian yang banvak mempengaruhi hidup kita.

Dari kacamata dunia, Singapura adalah satu-satu negara kapitalis yang telah berjaya membangunkan ekonominya. Pada ulangtahun penubuhannya yang kelima belas bulan ini, kami mengkaji semula corak serta kesan pembangunan ala Singapura. Di bawah pemerintahan Perdana Menteri Harry Lee Kuan Yew, Singapura telah mengalami berbagai-bagai perubahan yang menguntungkan pihak-pihak tertentu. Contohnya ialah dasar memberi galakan kepada usahawan di samping paksaan terhadap pekerja. Sejauh mana pemimpin-pemimpin negara ini dapat mempertahankan kedudukan mereka bergantunglah kepada tekanan dari dalam dan luar, terutama sekali di rantau ini.

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

NADI insan

Keluaran lepas:

HANYA SERINGGIT

JULAI/15
- Khir Johari
- Media Cetak Sedang Dicekek?
- Gaji Baru: Isi Lemak Kepada Siapa?

JUN/14
- Michael Chen: Down, But Not Out
- Perkampungan Baru Selepas 30 Tahun
- Kemerdekaan Zimbabwe

MEI/13
- V David: Undang-Undang Buruh
- Keganasan Senyap Di Tempat Kerja
- Perjuangan Bangsa Moro

APRIL/12
- Syed Kechik, Harta Banyak, Cita Besar
- Revolusi Hijau & Penanam Padi
- Keganasan Di Timor Timur

MAC/11
- Khatijah Sidek: Julie Christie
- Nasib Wanita Masakini
- Kedudukan Buruh Bertambah Buruk

FEBRUARI/10
- Seni Khat: Wajih Nahle
- Perusahaan Awam: Pagar Makan Padi?
- Dalang Soviet Di Afghanistan

JANUARI/9
- Wawancara: Aziz Ishak
- Keadaan Buruk Di Bank Buruh
- Harta Shah & Pergolakan Di Iran

DISEMBER/8
- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan.

NOVEMBER/7
- Yasmin Yusuf; Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil; Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubok Kundang

OKTOBER/6
- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

SEPTEMBER/5
- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setinggan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

OGOS/4
- Wawancara: Jins Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

JULAI/3
- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria – Pesaka Umum

JUN/2
- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

MEI/1
- .Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah, Bhutto

INGIN MENOLONG MENGARANG

Y.K. Lin., Petaling Jaya, Selangor: Merujuk kepada iklan yang didapati dalam **Nadi Insan** (Jun), saya ingin memohon supaya dapat menolong dalam kerja mengedit itu.

Saya sangat berminat mengarang dan ada sedikit pengalaman berkenaan penerbitan semasa masih dalam universiti. Jika diterima, saya akan menggunakan peluang ini untuk menambah lagi pengalaman di samping memberi sebarang sumbangan.

Sidang Redaksi: Terima kasih atas kesudian saudara menolong kami dalam kerja mengedit **NI.**

PENULIS MUDA

Dharma darwisa, Selama, Perak: Untuk makluman tuan, saya adalah penulis muda yang baru mencebur diri di arena penulisan, terutama di bidang penulisan puisi dan sedikit karya cerpen. Saya ingin mengasah bakat di **Nadi Insan.**

Sajak *Rimba Dara* adalah sebuah sajak yang menggambarkan keresahan perasaan saya yang serba sensitif melihat pencemaran alam yang berlaku berleluasa.

Saya menghuraikan keresahan melalui puisi. Pada yang mengerti akan lebih berhati-hati di dalam mengaut keuntungan tetapi keindahan alam semulajadi akan terus kekal abadi untuk generasi akan datang.

ASAS 50 & Sastera Melayu Moden

Acara:

Malam 30 Tahun Yang Lalu
8 malam, Hari Jumaat, 22 Ogos 1980

Penceramah yang dijemput:

Kamaludin Muhammad (Keris Mas)
Usman Awang (Tongkat Warrant)
Masuri Salikun (Masuri S.N.)
Mohd. Ariff Ahmad (Mas)
Asraf Hj. Wahab
A. Samad Said

Pengerusi: ***Ismail Hussein***

Bengkel (Hari Sabtu, 23 Ogos 1980):

Seni & Masyarakat (8.30 — 10.30 pagi)
Semangat ASAS 50 (11.00 — 1.00 tengah hari)
Warisan ASAS 50 (2.00 — 4.30 petang)

Kertaskerja telah dijemput daripada:

Ismail Hussein
Baha Zain
Kassim Ahmad
Shahnon Ahmad
Mohd. Thani Ahmad
Wakil ASAS 50, Singapura
M. Noor Azam
S. Husin Ali
Ahmad Sebi
Bakar Hamid
Muhammad Hj. Salleh

Tempat Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur
Anjuran Institut Analisa Sosial (INSAN)

Kegiatan ini diadakan dengan bantuan Dewan Bahasa & Pustaka

KERIS MAS MASIH TERHUNUS

NI: Sebelum menceburkan diri dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan, Pak Keris pernah bergiat dalam gerakan politik semasa, khususnya dalam PUMM. Bolehkah Pak Keris menjelaskan mengapa Pak Keris terlibat dalam perjuangan ini? Patutkah penglibatan Pak Keris dalam ASAS 50 dianggap sebagai saluran untuk melanjutkan perjuangan politik ini?

KM: *Ada dua perkara yang saudara tanyakan. Pertama mengapa saya terlibat dalam politik dan kedua, adakah kegiatan saya kemudiannya dalam ASAS 50 boleh dianggap sebagai lanjutan dari perjuangan politik itu. Biarlah saya jawab satu persatu.*

Tetapi sebelum menjawab perkara yang pertama itu ingin saya menerangkan pendapat saya tentang konsep perjuangan poljtik dulu dan sekarang. Dulu perjuangan politik mempunyai satu tujuan saja, iaitu untuk mencapai kemerdekaan dari penjajah. Lepas itu perjuangan politik bukan saja untuk mencapai kemerdekaan tetapi bertambah dengan unsur untuk mendirikan sebuah negara merdeka dengan menganut sistem pemerintahan menurut faham ideologi tertentu.

Lepas itu, seperti pada masa ini, politik tidak lagi bertujuan untuk mencapai kemerdekaan tetapi untuk mendirikan sebuah pemerintahan yang menjamin kesetabilan hidup sebuah bangsa dalam sebuah negara mengikut faham ideologi tertentu, seperti ideologi kapitalisme, ideologi sosialisme, ideologi komunisme dan sebagainya. Politik Islam, misalnya bertujuan untuk mendirikan sebuah pemerintahan berdasarkan Islam walaupun Islam itu sebenarnya bukan ideologi tetapi agama.

Saya menceburkan diri ke dalam lapangan politik dalam tahun atau akhir tahun 1946 dulu ialah dalam rangka konsep dan tujuan yang pertama itu, yakni semata-mata untuk ikut berjuang menentang penjajah bagi mencapai kemerdekaan. Tidak ada ideologi tertentu terlibat dalam perjuangan saya masa itu kecuali nasionalisme. Sememangnya nasionalisme hidup dalam apa jua bentuk ideologi yang dihubungkan dengan politik.

Lepas itu bila lebih dari satu partai politik ikut berjuang menuntut kemerdekaan di negeri ini, maka selain nasionalisme meresaplah ideoloji-ideoloji yang berbeza sebagai asas perjuangan kemerdekaan itu. Waktu itulah saya mengundurkan diri dari politik, dalam arti politik parti. Saya menjadi wartawan dan serentak menjadi apa yang dinamakan sasterawan juga.

Saya meneruskan perjuangan saya dalam rangka menuntut kemerdekaan tanah air dari penjajah melalui kewartawanan dan penulisan-penulisan sastera. Perjuangan saya tidak lagi dalam organisasi parti politik tetapi dalam bentuk penulisan-penulisan yang kritikal menentang penjajahan dan membangkitkan semangat perjuangan kemerdekaan dalam kalangan rakyat.

Dan sekarang bolehlah saya menjawab soalan saudara bahagian kedua; memanglah pergerakan saya dalam ASAS 50 dan saya kira pergerakan kebanyakan orang yang menjadi anggota ASAS 50 adalah untuk membangkitkan kesedaran rakyat melalui karya-karya sastera. Tetapi ASAS 50 bukanlah sebuah parti politik yang berjuang dengan program-program politik tertentu. Jadi kedudukan saya dalam ASAS 50 bukanlah melanjutkan program perjuangan parti politik yang telah saya tinggalkan, tetapi melanjutkan prinsip perjuangan kemerdekaan melalui penulisan.

NI: Pada hemat Pak Keris, apakah pengaruh-pengaruh utama terhadap perkembangan awal ASAS 50, terutama sekali dari segi pendiriannya dalam soal-soal kemasyarakatan?

KM: *Saya kira perkembangan awal ASAS 50 adalah dipengaruhi oleh kesedaran politik anti-penjajahan dan kesedaran sosial yang ditimbulkan oleh akibat penjajahan itu, seperti kemunduran ekonomi rakyat, kemunduran pelajaran dan sebagainya.*

NI: Sebahagian besar dari tokoh utama ASAS 50 ketika itu merupakan wartawan di *Utusan Melayu.* Bolehkah Pak Keris terangkan sedikit mengenai kesan atau implikasi hubungan ini—dari segi perkembangan kesusasteraan sendiri serta juga dari segi pendirian politik?

KM: *Sebenarnya ada beberapa orang pemimpin ASAS 50 ketika itu bekerja sebagai wartawan di* Utusan Melayu *tetapi bukan sebahagian besarnya. Beberapa orang yang lain tokoh-tokoh ASAS 50 tidak bekerja di* Utusan Melayu. *Ada yang berkhidmat sebagai guru, ada yang berkhidmat sebagai wartawan di* Melayu Raya *dan lain-lain. Dari segi perkembangan kesusasteraan, kehadiran orang-orang ASAS 50 di* Utusan Melayu *itu memang memberi kesan yang luas kerana* Utusan Melayu *mempunyai akbar mingguan* Utusan Zaman *dan bulanan* Mastika *yang sangat popular, yang lebih luas sebarannya dan ramai pembacanya dibandingkan dengan lain-lain penerbitan. Anggota-anggota ASAS 50 yang bekerja di akhbar-akhbar atau penerbitan lain yang juga menulis sealiran dengan teman-teman segerakan di* Utusan Melayu *tidak memberi kesan yang luas bukan kerana aliran kesusasteraan mereka kurang penting, tetapi kerana sebaran mereka kurang luas. Dari segi kesan politik, akhbar* Utusan Melayu *memberi lapangan yang sesuai untuk anggota-anggota ASAS 50 ikut serta menyebarkan cita-cita perjuangan kemerdekaan kerana* Utusan Melayu *sendiri adalah sebuah akhbar yang amat tegas dengan cita-cita perjuangan kemerdekaan itu.*

NI: ASAS 50 pernah memperjuangkan penggunaan tulisan Rumi pada satu ketika dahulu walaupun sebahagian besar dari tokohnya merupakan wartawan akhbar Jawi, iaitu *Utusan Melayu?* Bolehkah Pak Keris menjelaskan latarbelakang terhadap pendirian itu?

KM: *Pendirian ASAS 50 mengenai tulisan Jawi dan Rumi semata-mata berdasarkan rasionalisasi perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu untuk tujuan perpaduan kebangsaan dan kemajuan ilmu pengetahuan. Masalah tulisan Jawi-Rumi mula dikemukakan oleh ASAS 50 dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Yang Pertama di Singapura. Dari perbincangan dalam Kongres tersebut, yang saya sendiri menjadi pengerusinya, saya dapat merasakan bahawa rasional menjadikan tulisan Rumi untuk tulisan rasmi itu belum dapat difahami sepenuhnya oleh segolongan wakil beberapa pertubuhan. Keputusannya ialah sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat penyelidikan yang rapi mengenai perkara tersebut dan hasilnya akan dibawa ke dalam kongres kedua. Dalam kongres kedua di Seremban, tercapai keputusan bahawa kedua-dua tulisan tersebut disetujui sebagai tulisan kebangsaan dan tulisan rasmi.*

Kongres Ketiga, yang terpenting dan terbesar yang diadakan di Singapura dan Johor Baru, membuat satu keputusan lagi, iaitu menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang akan bertugas khusus memperbaiki sistem pengejaan tulisan Jawi supaya ia menjadi mudah dan konsisten, sesuai dengan tujuan-tujuan penggunaannya dalam lapangan ilmiah dan pentadbiran. Malangnya, jawatankuasa itu tidak berjaya hingga kini menghasilkan apa jua pun.

Tentang pertanyaan saudara bagaimana pula tokoh-tokoh ASAS 50 boleh menjadi pelopor menganjurkan penggunaan tulisan Rumi sedangkan mereka itu bekerja sebagai wartawan akhbar-akhbar bertulisan Jawi. Jawabnya terlalu jelas bahawa di Utusan Melayu dewasa itu, tidak ada wartawan yang menulis berita atau karangannya dengan tulisan Jawi. Masing-masing diberi mesin taip untuk menjalankan tugas mereka menulis. Yang menjawikan ialah bahagian penyusun huruf. Tetapi yang pentingnya bukanlah soal apa tulisan yang digunakan oleh pihak penerbit tempat anggota ASAS 50 bekerja. Yang pokok ialah rasional yang dikemukan oleh ASAS 50 bahawa penggunaan tulisan Rumi akan memudahkan gerakan pengajaran dan pelaksanaan pemakaian bahasa Melayu dalam segala lapangan hidup oleh kaum-kaum yang bukan Melayu.

NI: "Sastera untuk masyarakat" boleh difahamkan dari beberapa segi—misalnya, sebagai sastera yang ditujukan kepada pembaca-pembaca umum yang terdiri dari semua lapisan masyarakat, atau sebagai sastera yang membela nasib rakyat jelata, atau pun sebagai sastera *realisme sosial* yang berasaskan thema-thema kemasyarakatan. Pak Keris sendiri pernah mengaku bahawa walaupun polemik ASAS 50 mengenai soal 'tujuan sastera' itu tidak boleh dikatakan mendalam, tetapi sudahlah mencukupi bagi zaman itu. Patutkah perbahasan itu dilanjutkan sekarang?



KM: *Memang* Sastera Untuk Masyarakat *boleh difahamkan dari beberapa segi. Pada masa polemik tersebut, hal-hal ini boleh dikatakan telah ditimbulkan dan saya rasa telah cukup difahami oleh masyarakat akan tujuannya. Lebih dari itu saya rasa polemik mengenainya tentu akan menjadi lebih cenderung kepada soal-soal teori kesusteraan intrinsik, teori-teori teknik dan mekanisme sastera. Dan ini saya rasa untuk masa itu belum dapat diterima oleh masyarakat berbahasa Melayu, bahkan oleh sebahagian para sasterawan sendiri. Tentang patut atau tidak perbahasan mengenainya dilanjutkan sekarang, saya kira terserah kepada para pengkritik zaman ini. Tetapi apakah akan ada faedahnya atau tidak masih menjadi soal yang harus dicoba.*

Tetapi saya masih berpendapat pengkhususan macam apa pun tidak seharusnya memisahkan seni dari masyarakat.

NI: Terdapat golongan yang berpendapat bahawa dengan kemajuan masyarakat, pengkhususan akan bertambah dan perkembangan ini pula akan memisahkan seniman dari masyarakatnya dan juga sesuatu lapangan seni dari bidang-bidang seni yang lain. Pengkhususan demikian dianggap baik oleh setengah golongan kerana kemajuan dapat dicapai dari segi teknik dan mungkin dari segi estetik. Tetapi, sasterawan-sasterawan yang paling agung kini, terutama sekali dari negeri-negeri Dunia Ketiga—seperti Neruda, Marquez, Achebe, Negugi, Sembene, Pramoedya—merupakan tokoh yang terus membela nasib rakyat jelata. Bolehkah Pak Keris mengulas soal ini?

KM: *Saya bersetuju bahawa perkembangan kemajuan ilmu pengetahuan akan melahirkan pengkhususan berbagai lapangan, termasuk lapangan seni. Tetapi saya masih berpendapat pengkhususan macam apa pun tidak seharusnya memisahkan seni dari masyarakat. Kemajuan teknik dan estetik tidak semestinya menengggelamkan prinsip bahawa seni haruslah menegakkan kebenaran. Salah satu kebenaran yang harus dipertahankan dan ditegakkan ialah membela nasib pihak yang teraniaya, yang tertindas.*

NI: Dalam wancara *Dewan Sastera* (Jun 1977), Pak Keris telah mengaku bahawa konsep sastera Islam, yang ingin diperkembangkan sekarang, masih kurang jelas. Apakah kini Pak Keris telah menemui pengertian konsep tersebut yang lebih jelas dan bukan hanya sebagai sastera Melayu berunsur Islam?

KM: *Bagi saya kesusasteraan adalah semata-mata media seni dalam usaha memperhalus jiwa dan meninggikan mutu perikemanusiaan. Dalam ajaran Islam, manusia ini adalah setinggi-tinggi dan semulia-mulia darjat makhluk yang dijadikan Tuhan dan manusia yang hidup dengan menganut ajaran Islam semestinya menjadi contoh makhluk Allah yang paling mulia.*

Kesusasteraan yang dapat menegakkan unsur-unsur ini adalah kesusasteraan yang menepati ajaran Islam, tidak kira ia ditulis dalam bahasa apa pun. Bagi saya, unsur itulah yang penting, bukan namanya—Sastera Islam, atau Sastera Melayu berunsur Islam.

NI: Sebagai seorang yang terlibat dalam penyusunan dan penghakiman beberapa hadiah sastera, apakah, pada pandangan Pak Keris, kesan-kesan positif dan negatif yang diwujudkan oleh hadiah sastera ini? Kini, apabila hadiah-hadiah sastera ini telah disumbangkan oleh syarikat-syarikat swasta yang besar, adakah kemungkinan bahawa sikap dan kecenderungan penulis kreatif akan terpengaruh dengan selera yang ditonjolkan oleh kepentingan syarikat-syarikat tersebut, atau bolehkah dikatakan bahawa penulis-penulis kini akan menulis untuk membolot hadiah-hadiah yang ditawarkan? Apakah, pada pandangan Pak Keris, kencenderungan penulisan kreatif yang akan wujud jika hadiah-hadiah sastera ini diperbanyakkan lagi?

Bagi saya kesusasteraan adalah semata-mata media seni dalam usaha memperhalus jiwa dan meninggikan mutu perikemanusiaan.

KM: *Dari segi penggalakan, saya kira sayembara-sayembara dan hadiah-hadiah sastera adalah pada dasarnya baik. Tetapi kebaikannya bergantung kepada kejujuran pihak yang menganjurkan sayembara atau yang memberi hadiah. Kalau yang menganjurkan itu bertujuan untuk menerima faedah bagi kepentingan dirinya, perniagaannya, institusinya atau sebagainya, dan bukan untuk kepentingan perkembangan dan kemajuan kesusasteraan, maka ia akan menjatuhkan bukan saja mutu sastera, tetapi juga maruah kesusasteraan itu sendiri. Para pengadil dan para penulis seharusnya meneliti tujuan para penganjur itu sebelum melibatkan diri dengannya.*

NI: Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kebebasan menulis dan menerbit disekat oleh pihak berkenaan. Tetapi bolehkah kita masih mengaku bahawa kebebasan sastera masih terdapat, seperti pernah didakwa dalam majallah *Asiaweek* pada tahun lepas?

KM: *Malang sekali, saya tidak membaca majalah yang saudara maksudkan itu. Tetapi pada hemat saya, kebebasan menulis dan menerbit di mana-mana saja dalam dunia, dalam sistem pemerintahan apa jua pun tidaklah dapat diertikan kebebasan yang mutlak. Kebebasan yang melulu saya rasa ada bahayanya kepada kehidupan manusia, bahkan kepada perikemanusiaan sendiri. Tetapi sekatan yang melulu yang mengenepikan kebenaran-kebenaran asasi mengenai perikemanusiaan lebih membahayakan peningkatan mutu hidup manusia.* NI

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960

Azmi Khalid
Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya

Sekiranya tidak mahu manusia terdorong supaya memberontak sebagai pilihan terakhir bagi menentang kezaliman serta penindasan, maka adalah penting bagi hak asasi manusia dipertahankan oleh Kedaulatan Undang-Undang.

Muqaddimah, Peristiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, 1948.

Perimustahaknya konsep Kedaulatan Undang-Undang bagi menjamin kebebesan-kebebasan individu dalam masyarakat berpolitik telah pun lama dihargai sebagai suatu nilai sejagat. Selain dari piagam-piagam antarabangsa seperti Peristiharan Sejagat 1948 dan dua Kovenan Antarabangsa 1966, kebanyakan perlembagaan bertulis moden mengandungi piagam hak asasi manusia *(bill of rights)* dengan maksud menegakkan taraf kemanusiaan individu di peringkat undang-undang kebangsaan.

Ada di antara piagam itu yang benar-benar disanjung tinggi oleh rakyat dan pemerintah, sementara yang lainnya merupakan hanya kata-kata palsu untuk menipu dan mengelirukan pandangan awam mengenai pemerintahan *authoritarian* yang berlindung di sebalik tabir demokrasi.

Perlembagaan negeri-negeri membangun tidak ketinggalan dalam langkah memperuntukkan jaminan hak asasi manusia demi meninggikan Kedaulatan Undang-Undang. Hanya yang agak merungsingkan adalah dilemma di antara menghasilkan taraf-taraf perlindungan seperti yang diterima sejagat dengan *keperluan* menjayakan pembangunan sosio-ekonomi serta mempertahankan negara dan masyarakat daripada ancaman-ancaman terhadap keutuhan politik dan keselamatan negara. Dilemma ini menjadi ketara sekali di mana matlamat pembangunan dan keselamatan terlalu diutamakan sehingga Kedaulatan Undang-Undang dilupakan atau diberikan makna tipis, yang lebih mementingkan kekuasaan pemerintah daripada kebebasan individu.

Soal pokok yang kemudian perlu dibahas dan dijawab dalam keadaan sedemikian adalah sama ada negara dan rakyat mampu atau sanggup mengorbankan hak-hak asasi sambil memesatkan langkah-langkah pembangunan dan mengukuhkan kedudukan serta kestabilan politik. Jika pengorbanan diterima, apakah pula jaminan bahawa *demokrasi tulen* akan dipulihkan kelak?

Kuasa-Kuasa Khas di Malaysia

Negara Malaysia jelas sekali menghadapi masaalah begini. Rakyat dan negara telah lama menjunjung kedaulatan undang-undang serta keluhoran perlembagaan sebagai perinsip-perinsip Rukunegara, dengan tujuan *memelihara satu cara hidup demokratik dan mencipta satu masyarakat yang adil.*

Di samping itu, kesedaran bahawa keselamatan negara terancam semenjak sebelum Merdeka telah mendorong pencipta-pencipta Perlembagaan pada tahun 1957 supaya membolehkan Parlimen meluluskan di bawah Kuasa Perkara 149, undang-undang bagi maksud *menentang tindakan yang telah diambil atau ancaman yang telah dibuat oleh sekumpulan orang yang terbesar, samada dalam atau luar Persekutuan, untuk menyebabkan kekerasan yang dirancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan kekerasan itu . . . .*

Peruntukan undang-undang sedemikian juga dibenarkan bercanggah dengan kebebasan asasi yang termaktub dalam Perlembagaan, Bahagian 2, Perkara 5 hingga Perkara 13, khususnya kebebasan diri (Perkara 5), kebebasan bergerak dan bermastautin (Perkara 9) serta kebebasan-kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran, berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan (Perkara 10).

Menurut pencipta-pencipta Perlembagaan, iaitu Suruhanjaya Perlembagaan, Reid; "Adalah bagi Parlimen menentukan samada keadaan memerlukan peruntukan-peruntukan khas begitu, tetapi Parlimen tidak berhak menguasakan percanggahan yang tidak dianggap sebagai direka untuk menghadapi keadaan istimewa itu."

Selain dari ancaman-ancaman yang digelarkan *perbuatan subversif.* Perkara 150 pula membolehkan undang-undang khas diluluskan supaya bercanggah dengan hampir-hampir seluruh Perlembagaan, ter-

masuk semua kebebasan asasi, "[J]ika yang di Pertuan Agung berpuashati bahawa suatu dharurat besar sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya."

Akta Keselamatan Dalam Negeri

Pada Ogos 1960, hasil daripada kuasa-kuasa khas di bawah Perkara 149, Parlimen telah meluluskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Akta 82, disemak 1972) sebagai "suatu akta bagi membuat peruntukan demi keselamatan dalam negeri Malaysia, tahanan pencegahan, pencegahan perbuatan subversif, penekanan kekerasan yang dirancang terhadap orang dan harta di kawasan-kawasan tertentu di Malaysia, dan bagi perkara-perkara berkaitan."

Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) amat terkenal di kalangan masyarakat tempatan oleh kerana tahanan pencegahan. Namun demikian, AKDN memperuntukkan juga bagi lain-lain sekatan seperti di antara lainnya:

(i) Larangan ke atas pertubuhan atau persatuan politik yang mempunyai tujuan atau aktiviti untuk mengambil tugas-tugas pihak polis atau angkatan bersenjata (seksyen 3—7)

(ii) Mengharamkan pencetakan, penerbitan, jualan, penyebaran, pengedaran atau pemilikan sebarang dokumen atau bahawa penerbitan yang memudharatkan kepentingan awam, ketenteraman awam atau keselamatan dalam negeri. (Bahagian II, Bab III)

(iii) Kawalan ke atas aktiviti hiburan atau pamiran yang bertentangan dengan kepentingan awam (Bahagian II, Bab IV)

(iv) Melarang perlantikan atau pengambilan ke jawatan-jawatan di bawah undang-undang bertulis jika perlantikan atau pengambilan mana-mana orang memudaharatkan kepentingan negara (Seksyen 41A)

(v) Kuasa menutup sekolah atau institusi pelajaran yang digunakan bagi maksud yang bertentangan dengan kepentingan negara atau awam (seksyen 41B)

(vi) mengawal kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajaran tinggi (seksyen 41C)

(vii) kuasa mengistiharkan kawasan-kawasan keselamatan di mana keselamatan awam terancam, dan mengistiharkan kawasan bahaya, kawasan kawalan, kawasan perlindungan serta perintah berkurung (Bahagian III, Bab I dan II)

(viii) mengujudkan kesalahan memiliki senjata api atau bahan letupan dalam kawasan keselamatan, dengan hukuman mati sebagai hukuman wajib baginya (seksyen 57) dan

(ix) Kuasa pegawai-pegawai polis menangkap dan menahan selama tempoh maksima 60 hari—sesiapa yang disyakki telah bertindak atau mungkin akan bertindak dengan memudharatkan keselamatan, pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi negara atau mana-mana bahagiannya.

Tahanan Pencegahan

Bab 2 dalam bahagian kedua AKDN mengandungi kuasa-kuasa berhubung dengan tahanan pencegahan (seksyen 8—21). Peruntukan-peruntukan itu memberikan pihak eksekutif, khususnya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kuasa-kuasa luas menahan sesiapa sahaja "jika Menteri berpuashati yang tahanan [itu] perlu bagi maksud mencegahnya daripada bertindak dengan memudharatkan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu dalam Malaysia [seperti perkhidmatan-perkhidmatan air, elektrik, kesihatan awam, bomba, penjara, pos telefon, talegerap, hubungan radio, pelabuhan, pengangkutan awam dan pengedaran bahanapi dan pelincir] atau kehidupan ekonomi negara." [seksyen 8(1)].

Dilema ini menjadi ketara sekali di mana matlamat pembangunan dan keselamatan terlalu diutarakan sehingga Kedaulatan Undang-undang dilupakan atau diberikan makna tipis, yang lebih mementingkan kekuasaan pemerintah daripada kebebasan individu.

Kuasa tahanan, yang berasaskan kepuasan subjektif Menteri, membolehkan pengeluaran perintah tahanan tidak melebehi dua tahun, dan setiap perintah boleh dibaharui selama tempoh dua tahun setiap kali tanpa had dikenakan ke atas bilangan pembaharuan terhadap perintah asal yang sama.

Menteri juga berkuasa, di bawah seksyen 8 (5) mengeluarkan perintah sekatan dengan alasan-alasan yang sama seperti dalam seksyen 8 (1), bagi tempoh dua tahun setiap kali juga. Perintah sekatan adalah bagi maksud mengawal dan menyelia aktiviti, kebebasan bergerak, tempat tinggal atau pekerjaan seseorang itu.

Perlindungan

Walaupun kuasa-kuasa luar ini telah menghakiskan banyak kebebasan individu yang dijamin dalam bahagian kedua Perlembagaan, terhadap beberapa sekatan ke atas kegunaan kuasa-kuasa tahanan pencegahan yang diberikan oleh Perlembagaan sendiri dalam Perkara 151 dan diperuntukkan juga dalam AKDN.

Sekatan-sekatan dianggap perlu bagi mengimbangkan kuasa-kuasa khas dalam undang-undang seperti AKDN dengan *hak-hak keadilan asasi (rights of natural justice)* yang biasanya dijamin oleh *common law*. Perkara 151 bertujuan memperlindungi orang-orang tahanan dari kuasa-kuasa sewenang-wenangnya dan menentukan yang sifat-sifat buruk tahanan pencegahan diringankan sedikit bagi faedah individu. Hak-hak perlindungan itu termasuklah:

(i) diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan tahanan oleh pihak berkuasa berkenaan

(ii) diberitahu tuduhan-tuduhan nyataan *(allegations of fact)* yang menjadi asas bagi "perintah fahaman, kecuali nyataan-nyataan yang penzahirannya, pada pendapat pihak berkuasa, akan bertentangan dengan kepentingan negara;

(iii) diberi peluang membuat rayuan terhadap perintah tahanan dengan seberapa segera yang boleh kepada suatu lembaga penasihat yang dilantik oleh yang di Pertuan Agung setelah berunding dengan Ketua Hakin Negara;

(iv) tahanan pencegahan hanya boleh diteruskan jika Lembaga Penasihat telah mempertimbangkan rayuan dan membuat syor-syor mengenainya kepada Yang di pertuan Agung dalam masa tiga bulan daripada tarikh penerimaan rayuan, atau tempuh masa yang lebih panjang seperti dibenarkan oleh Yang di Per-Tuan Agung.

AKDN juga memperuntukkan hak diberitahu nyataan-nyataan tambahan yang pada pendapat Menteri adalah perlu bagi membolehkan rayuan dibuat. [s. 11 (2) (b) (iii)]. Seksyen 12 (2) memberikan kuasa kepada Yang di Pertuan Agung bagi menimbangkan syor--syor Lembaga Penasihat dan memberi arahan, yang dianggapnya patut, kepada Menteri mengenai perintah tahanan.

an muktamad mengenai setiap tahanan dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Seterusnya, lembaga penasihat hendaklah mengulangkaji setiap kes tahanan sekali setiap enam bulan.

Selain dari perlindungan-perlindungan bertulis sedemikian, orang tahanan masih boleh menggunakan proses rayuan *common law* yang termaktub dalam prinsip *habeas corpus*—memohon kepada Mahkamah Tinggi agar dilepaskan tahanan atas alasan bahawa tahanan itu menyalahi undang-undang.

Di antara bukti yang boleh menyokong alasan begitu termasuklah dakwaan yang hak-hak perlindungan di atas telah diabaikan atau tidak diberitahu dengan sempurna. Adalah juga terbuka kepada perayu membawa dakwaan *mala fides* (niat buruk) oleh pihak berkuasa, tetapi pembuktian bagi hujah itu agak berat dan perlu menyakinkankan Mahkamah dengan secukup-cukupnya.

Kesan-Kesan Terhadap Kedaulatan Undang-Undang

Pemerhati yang memandang kuasa-kuasa khas serta sekatan-sekatannya secara sepintas lalu mungkin mempercayai bahawa tahanan pencegahan tidak begitu kejam seperti dilaung-laungkan oleh pengkritik AKDN. Tetapi penganut kedaulatan undang-undang akan mengupas dan mengkaji kaedah-kaedah berkaitan dengan lebih rapi dari menentukan hakikat sebenarnya. Hanya setelah itu baharulah dapat dilemma dijawab dengan sempurna.

Maka, asas ukuran, samada wujudnya kedaulatan undang-undang dalam sebuah masyarakat tertumpu kepada had-had yang dikenakan oleh undang-undang ke atas kuasa luas. eksekutif yang menyentuh kebebasan individu secara drastik. Soal sama ada pemeliharaan kesatabilan politik daripada ancaman binasa boleh menjustifikan kecualian-kecualian tertentu kepada isi kandungan piagam hak asasi manusia juga perlu dipertimbangkan dari sudut yang sama.

Hanya demikian dapat diputuskan sama ada *keadaan istimewa* da-

lam negeri boleh mengizinkan *kuasa-kuasa khas* untuk sementara waktu, tanpa membahayakan kedaulatan undang-undang yang bererti, dan juga tanpa menghalang konsep sepenuhnya dipulih kelak setelah keadaan sementara luput.

Penilaian AKDN

Perkara 149 memerlukan undang-undang khas seperti AKDN supaya menyebut dengan nyata dalam Muqaddimah kepada akta bahawa ancaman telah dibuat terhadap keselamatan dalam negeri. Formula sebutan itu membolehkan AKDN bercanggah dengan kebebasan-kebebasan politik.



Di sini, timbul soalan sama ada kuasa-kuasa khas sebenarnya perlu bagi menghadapi ancaman subversif, walhal jaminan-jaminan hak dalam Bahagian Kedua Perlembagaan sedia boleh dihadkan oleh undang-undang biasa bagi maksud-maksud seperti yang termaktub dalam peruntukannya. Abdul Hamid, salah seorang dari anggota Suruhanjaya Perlembagaan Reid, ketika membangkang kemasukan Perkara 149, pernah berkata:

Pada pendapat saya, adalah tidak selamat membiarkan dalam tangan Perlimen kuasa menggantungkan jaminan-jaminan perlembagaan hanya dengan membuat sebutan dalam Muqaddimah bahawa keadaan dalam negeri tidak dapat dikawal dengan undang-undang biasa.

Hujah pencipta Perlembagaan terang-terang mengutamakan kebebasan individu dan mencadangkan secara tidak langsung bahawa hakisan jaminan hak harus diberikan pertimbangan lebih cermat, rapi dan yang menyakinkan umum.

Jika AKDN diterima sebagai suatu *keburukan perlu,* sifat perikemanusiaan harus pula diingati dengan menyedari bahawa tahanan seorang individu yang berasaskan hanya pada syak, dan bukan kesalahan nyata yang telah terbukti, dilakukan memangnya suatu tindakkan kejam. Walaupun tahanan dikatakan perlu, namun perlaksanaan serta kesan-kesannya mesti cuba mengelakkan kekejaman sebeberapa yang boleh.

Tahanan yang terlalu panjang tentulah perlu dielakkan. Seperti kata seorang hakim Mahkamah Tinggi Malaysia—"Peruntukan-peruntukan sebarang statut, sama ada jenis jenayah atau lain-lainnya, tidaklah bertujuan menjadi kejam, menindas atau kurang berperikemanusiaan."

Tetapi soal pokok yang akan menentukan taraf penghormatan bagi kedaulatan undang-undang di Malaysia bergantung kepada hak-hak perlindungan bagi individu di bawah Perkara 151 dan AKDN. Kesan hak-hak itu boleh dinilaikan demikian:

(a) Hak kuasa pihak yang mengeluarkan perintah tahanan kurang mencukupi walaupun Yang DiPertuan Agung memberi kata pemutus. Sebagai Raja Berperlembagaan, Kepala Utama Negara wajib melaksanakan tugas itu dengan mengikut nasihat Jemaah Menteri berkenaan. Tidaklah wajar bagi pihak penahan menasihatkan supaya perintahnya sendiri dibalikkan.

(b) Hak membuat rayuan tidak lagi menetapkan suatu tempuh masa maksima untuk didengar oleh lembaga penasihat. Ini bermakna yang tiada had dikenakan ke atas tempuh masa tahanan sebelum, lembaga memulakan proses keadilan asasi. Di dalam peruntukan asal, terdapat had 3 bulan, tetapi hak itu telah pun dimansuhkan.

(c) Lembaga penasihat yang merupakan *tribunal* bagi menganti tempat mahkamah keadilan yang terbuka tidak pula mendapat peranan berkesan. Syor-syor lembaga tidak mengikut, hanya perlu dipertimbangkan sahaja oleh Yang di Pertuan Agung.

Akibat daripada kurang berkesannya perlindungan undang-undang yang menyekat tahanan pencegahan adalah lembaga keadilan yang telah diletakkan pada suatu alat politik yang mudah disalahgunakan. Baik-buruknya kegunaan alat itu senantiasa bergantung pada kejujuran pemakaianya, tanpa memberi jaminan bermakna kepada individu dan masyarakat. Menurut pepatah undang-undang "Keadilan bukan sahaja harus diamalkan, tetapi harus juga kelihatan diamalkan."

Untuk menepati maxim dan objektif suci keadilan, maka undang-undang yang membolehkan tahanan pencegahan di Malaysia perlulah disekatkan. Dengan menyokong raksaksa yang telah dijadikan suatu *keburukan perlu,* ancaman terhadap keutuhan kedaulatan undang-undang dalam masyarakat yang percayakan demokrasi serta keadilan dapat dielakkan NI



DITAHAN SEUMUR HIDUP?

Kes Soo Yong

Faridah Hj. Amin

Dua tahun yang lalu seorang budak lelaki berumur 14 tahun telah dihukum mati dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun Internal Security Act (ISA). Dengan peristiwa ini, maka berbagai-bagai golongan telah membuat rayuan kepada pemerintah untuk mengampuni budak ini. Rayuan-rayuan ini adalah akibat dari kesedaran bahawa Malaysia adalah negara ulung dalam dunia ini yang menjatuhkan hukuman mati kepada seorang kanak-kanak.

Kes Soo Yong

Pada tahun 1967 seorang budak berumur 16 tahun yang bekerja sebagai buruh kasar telah ditangkap di bawah ISA, bersama-sama dengan beberapa pekerja wanita. Mereka didakwa terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Sekarang budak itu sudah pun menjadi orang dewasa berumur 29 tahun, dan pengalaman pahitnya akan berterusan kerana ada kemungkinan besar beliau akan ditahan seumur hidupnya. Beliau bernama Soo Yong dan harapannya untuk menghirup dunia kebebasan amatlah tipis sekali.

Peristiwa hidup Soo Yong berbeza dengan kanak-kanak yang berumur 14 tahun tadi kerana kes Soo Yong tidak pernah dibicarakan dimana-mana mahkamah. Oleh itu dia tidak mempunyai peluang langsung untuk mempertahankan dirinya terhadap tuduhan-tuduhan pihak-pihak penahannnya.

Soo Yong dilahirkan dan dididik di negeri Johor. Selepas berhenti sekolah rendah pada 1964, beliau telah bekerja sebagai buruh kasar untuk membantu keluarganya yang miskin. Keadaan kemiskinan yang menonjol di alam sekelilingnya telah menyebabkannya melibatkan dirinya dalam kegiatan politik. Hasratnya adalah untuk mengatasi kesengsaraan dan tekanan yang menimpa rakyat miskin—harapan biasa seorang belia yang menuntut keadilan.

Pembuangan Negeri

Pada 1967, Soo Yong telah ditangkap dan ditahan di Batu Gajah di bawah ISA. Dua tahun selepas itu, beliau telah dibuang negeri dan arahan tersebut tidak menentukan negeri mana yang harus beliau pergi. Soo Yong telah dilahirkan di negeri ini dan ibu bapanya adalah warganegara Malaysia. Adik beradiknya juga dilahirkan di Malaysia.

Pada kebiasaannya, hanya warganegara asing yang melakukan sesuatu yang dianggap bertentangan dengan kepentingan negara akan disingkir atau dibuang dari negeri ini. Tetapi sekiranya orang tersebut memang warganegara ini, maka beliau haruslah dibicarakan dan bukan dibuang dari negeri tersebut.

Masih Dalam Tahanan

Walaupun demikian, arahan pembuangan negeri tidak dilakukan dan selama 11 tahun seterusnya, Soo Yong telah dibawa ke hulu dan ke hilir dari suatu tempat tahanan ke tempat tahanan lain. Sementara itu, semua pekerja-pekerja wanita yang telah ditahan bersama beliau sudah pun dibebaskan.

Satu permohonan oleh ibu Soo Yong pada 1972 (semasa dia masih belum berumur 21 tahun) untuk mendaftarkan anaknya sebagai warganegara ditolak walaupun ini merupakan suatu hak asasi anak negeri ini. Selain dari pencabulan hak asasi Soo Yong, beliau sudah pun mengorbankan 13 tahun dalam tahanan dan masa depannya sungguh gelap untuk beliau mempertahankan dirinya dalam mahkamah.

Tidak hairanlah sekiranya Soo Yong menjadi seorang yang tidak mempercayai adanya keadilan. Hak asasinya sebagai seorang manusia telah dicabuli sambil beliau terus dijadikan tahanan politik.

NI

SEBUAH KEKEJAMAN

Ayah,
Dengarlah rintihan hati anakmu
Yang mengharapkan kasih sayangmu
Walaupun kau jauh di rantau orang
Hatiku tetap mengharapkan kau kembali
Kejam sungguh dunia ini
Sanggupkah kau melihat kekejaman itu?
Sesungguhnya, orang-orang itu adalah syaitan
Yang bertopengkan manusia
Hatinya penuh dengan rasa tamak, dengki dan khianat
Andaikata tuhan membalas perbuatan dengki mereka itu
Aku akan berpuas hati

Ayah,
Semoga kau tetap tenang dan sabar
Menghadapi dugaan ini
Hanya pada sajak saja dapatku curahkan
Rasa hati ini
Yang telah lama terpendam di dalam sanubari ini
Walaupun hati kami memberontak menghalang hukuman itu
Tapi apakah daya
Hanya airmata saja yang dapat memberitahu
kesedihanku
Hanya doa yang dapat anakanda iringi.

Julina Razali,
Puchong.
8/6/80.

"Kenapa Ayah Dikenakan Hukuman Gantung?"

S.N. Hamid

Seperti anak-anak tahanan ISA lainnya, Julina Razali, 11 tahun, sentiasa mengharapkan kepulangan ayahnya. Bagi meringankan kerinduan, dia menulis surat dan sajak-sajak kepada ayahnya.

Ayah
Aku tahu suatu masa nanti,
kau akan kembali . . .
kembali bersama keluarga.
Ayah,
Aku menderita menunggumu
kembali dengan segera ayah
Supaya dapat kami bermanja padamu ayah.
Ayah,
Lekaslah kembali.

TITIPAN DI KAMAR AKHIR

Buat saudara-saudara yang berdarah pucat

Ikhwan . . . .
jangan kau sangsi
laut berombak
pantai berubah
jua, mawar-mawar yang kau tanami
jangan kau tanya wanginya
kerana semalam
aku kemuara
ku lihat air-air dimasinkan
dalam pada itu
kian tertanyalah di diri ku
apakah yang masin dapat ditawarkan
jiká demikian
kenapa hidup ini sedemikian
apa sebahagian dari sedemikian itu?
lalu di sini
tulang-tulang ku jadikan kalam
darahku jadikan tinta
kulitku jadikan kertas
ku tulis kalimat dalam bentuk
6,666 – Dua dalam satu
Aku tak akan mati dari Hakikat Perjuangan

2.
Ikhwan . . . .
Sekalipun
bulan dan bintang rabit
mentari membakar di kiri dan kanan ku
dengan cahaya kepanasannyá
langkah ku tetap umar
bicara ku tariq
cintaku di hira
rindukú di Badar
ku bakar hak mu
padaku agar menjadi debu
maralah! . . . demi kebenaran
contohi darah Hamzah yang selalu merah
Allah! Allah! Allah!
Dalam kalimatnya.

3.
Ikhwan . . . .
Esok kita menyerlah fajar sidík
nyawa ku pasti direnggut
andar kah maut ini
wahai kadiran warisan
bernadi dalam mati
bukan dimedan laga peluru bercanda
namun di tiang gantongan;
duhai rakan perjuangan
usah kau ulitkan irama nyenyak
kelak bersibiran panji kesucian
serulah! Tanpa jemu
ke arah saksama antara hamba
Di bawah naungan bulan dan bintang
kiranya pelangi pucat mengiringi keranda
menyisihlah wahai handai-tolan
kerana . . . .
warna Ahmar mengiringi jasad ku
dan kehampaan bukan lagi milik mu

(1hb. Januari 1980)
Zali Almiah Ahmad.

Senja 8 April yang lalu, dia meraung sekuat hati apabila mendengar berita ayahnya dikenakan hukuman gantung. "Nenek, ayah belum membunuh orang. Kenapa ayah dikenakan hukuman gantung?" tanya Julina pada Mak Cik Maznah Haji Idris, 57 tahun, ketika dia pulang dari menghadiri perbicaraan anak lelaki tunggalnya, Razali Ahmad, di Alor Setar.

Julina, adiknya Sara, 10 tahun, dan adik bongsu mereka Naseer, 8 tahun, merasakan amat sangat ketiadaan ayah dalam kehidupan mereka.

"Sejak ayah dipenjara, saya selalu rasa macam nak menangis. Saya mengharapkan ayah akan pulang juga. Sebab itulah saya sangat sedih bila dengar ayah dikenakan hukuman gantung," katanya dengan wajah duka. Dia jarang bercakap tentang ayahnya dengan adik-adiknya kerana tidak mahu mereka susah hati.

Julina, yang kini berada di darjah enam, menyatakan bahawa dia kadang-kadang termenung dalam kelas apabila terkenangkan ayahnya. "Ayah suruh kami belajar betul-betul dan jaga diri baik-baik," kata Sara pula.

Naseer pula menyatakan bahawa mereka biasanya naik keretapi melawat ayahnya. "Ayah peluk saya. Saya suka jumpa ayah," katanya dengan senyuman anak kecil yang manja. Dia terlalu muda untuk memahami erti hukuman gantung yang dikenakan ke atas ayahnya itu.

Ibu Julina, Cik Iman Khatijah Mohamad, menyatakan bahawa sejak suaminya ditahan di penjara Alor Setar, dia dan anak-anaknya tinggal bersama ibu mertuanya. Mereka cuma dapat ke Alor Setar semasa cuti sekolah. Semasa perbicaraan dijalankan, dia dan anak-anaknya tidak berada di Alor Setar kerana menunaikan permintaan suaminya supaya mereka jangan hadir.

Dengan menyatakan bahawa pada awal penahanan suaminya, keadaan suaminya sangat menyedihkan. "Semasa melawat suami saya selepas dua bulan dia ditahan, saya melihat dia berjalan terhoyong-hayang menuju ke arah kami dengan tangannya digari. Dia seolah-olah tidak kenal kepada kami lagi. Hanya setelah beberapa ketika, baru dia merangkul anak bungsu kami", katanya dengan terharu.

"Bayangkanlah betapa sedihnya hati saya bila ketiga-tiga cucu bertanya tentang ayah mereka" kata Mak Cik Maznah, di rumahnya di Jalan Puchong, Petaling, Selangor.

Razali Ahmad, 33 tahun telah ditahan di Alor Setar pada 22 Februari 1977. Pada 8 April 1980 yang lalu beliau telah dijatuhkan hukuman gantung di bawah seksyen 57(1) (a) + 57 (1) (6) Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri.

"Anak saya kini menanti ulang bicara, Allah sahajalah yang mengetahui penderitaan kami sekeluarga," ujar Mak Cik Maznah dengan nada yang sedih.

NI

Siapa yang telah membuka Kuala Lumpur? Adakah Raja Abdullah dari Kelang atau Yap Ah Loy, Kapten Cina Kuala Lumpur?

SIAPA MENGGADAIKAN KUALA LUMPUR?

Anak Watan



Kita tentu menganggap bahawa ini merupakan satu soalan yang patut dijawab dengan mudah dari sudut sejarah. Akan tetapi pada bulan Mei lepas, soalan ini telah ditimbulkan semula oleh Datuk Samad Idris, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam satu kertas kerja yang telah disampaikan dalam Kovensyen UMNO Wilayah Persekutuan. Seperti biasa dalam Kovensyen seumpama ini, ianya menimbulkan satu kontroversi yang berbau perkauman pula.

Datuk Samad berpendapat bahawa ahli-ahli sejarah orientalis telah memberi gambaran yang salah mengenai sejarah Kuala Lumpur. Orang yang membuka Kuala Lumpur ialah Raja Abdullah dan bukannya Yap Ah Loy. Anihnya dia tidak membiarkan perkara itu tamat begitu sahaja. Sebaliknya dia mendakwa bahawa adalah perlu menekankan hakikat ini untuk meyakinkan orang Melayu terhadap kebolehan nenek moyang mereka.

Pihak MCA pula tidak ketinggalan dalam hal ini. Ketua Pemuda MCA Datuk Lee Kim Sai dengan segera menyatakan bahawa dengan menafikan Yap Ah Loy sebagai pembuka Kuala Lumpur merupakan penafian sumbangan kaum China terhadap pembangunan negeri ini.

Sementara perbahasan ini disiarkan dalam akhbar-akhbar selama beberapa hari, pihak-pihak lain juga turut campur tangan dalam kontroversi ini. Yang paling menarik, kesemua pihak ini menekankan bahawa perkara ini tidak harus menjadi issu kontoversial yang berbau politik.

Ada beberapa pengajaran yang timbul dari kontroversi ini.

Mula-mula sekali, siapakah sebenarnya yang telah membuka K.L.? Pihak akhbar telah menghubungi beberapa ahli sejarah terkemuka yang telah menetapkan bahawa bukanlah Yap Ah Loy, kerana dia adalah Kapitan China yang ketiga. Maka, Raja Abdullahlah yang telah membuka K.L.

Nampaknya, pada tahun 1857, Raja Abdullah telah menghantar 87 orang kuli China membuka lombong bijih yang pertama di suatu kawasan yang kemudiannya berkembang menjadi K.L. 69 daripada kuli-kuli ini telah mati akibat penyakit tidak lama kemudian.

Malangnya, tidak seorangpun yang telah berhujah bahawa kuli-kuli yang membuka lombong itu juga merupakan orang yang boleh dianggap sebagai pembuka K.L. Datuk Samad, Datuk Lee serta ahli-ahli sejarah kita membisu saja dalam hal ini.

Begitu juga, tidak seorang pun pernah berhujah bahawa penduduk-penduduk Melayu yang tentunya telah membayar cukai kepada Raja Abdullah dan kuncu-kuncunya patut juga diambil kira dalam perbincangan mengenai siapakah yang membiayai pembukaan K.L. itu.

Apakah implikasinya? Nampaknya mereka yang ingin meletakkan Raja Abdullah atau Yap Ah Loy sebagai pembuka percaya bahawa pembukaan sebuah kota itu merupakan sumbangan usaha seseorang individu sahaja. Pandangan individualis dan elitis ini menafikan sumbangan rakyat jelata, termasuk kuli dan petani yang selalunya dilupa-

kan dalam perbincangan-perbincangan demikian.

Berdasarkan ini, kita tentu dapat melihat bagaimana tidak menasabahnya pandangan-pandangan Datuk Samad dan Datuk Lee itu. Sekiranya orang-orang biasa dari kedua-dua kaum itu terlibat secara langsung di dalam pembukaan K.L., mengapakah orang Melayu akan harus hilang keyakinan mereka terhadap datuk nenek mereka, sekiranya ada orang yang berpendapat bahawa bukanlah Raja Abdullah yang membuka K.L.

Begitu juga patutkah penafian bahawa Yap Ah Loy bukanlah pembuka K.L. boleh diertikan sebagai penafian terhadap sumbangan orang-orang China terhadap negeri ini. Pada hakikatnya sumbangan rakyat biasa dari semua kaum telah dan masih merupakan sesuatu yang tidak patut dinafikan lagi.

Sekiranya kita ingin mencari seorang tokoh dalam sejarah yang boleh dibanggakan oleh tiap-tiap kaum itu, adalah sesuai kita memilih Raja Abdullah dan Yap Ah Loy sebagai orangnya? Siapakah mereka ini sebenarnya?

Raja Abdullah menjadi ketua jajahan Kelang semata-mata kerana telah menolong Sultan Muhammad dari Selangor membayar hutang sebanyak 30,000 ringgit kepada seorang si piutang dari Melaka. Seperti pembesar-pembesar lain ketika itu pendapatannya diperolehinya dari cukai-cukai.

Cukai-cukai tersebut dikenakan terhadap beras yang dihasilkan oleh petani-petani Melayu, candu yang digunakan oleh kuli-kuli China dan barang-barang jualan lain. Yang juga memperkayakan pedagang-pedagang China dan British serta pembesar-pembesar Melayu lain. Kuasa Raja Abdullah terhadap Kelang telah direbut oleh orang lain dan akhirnya dia telah disingkirkan dari Kelang oleh Raja Mahdi. Dia telah meninggal tanpa menguasai Kelang semula.

Yap Ah Loy juga bukanlah seorang yang patut dihormati. Dia ialah seorang Kapitan China, yang bererti bahawa dia pernah menjadi ketua kepada kongsi gelap China yang paling kuat ketika itu, iaitu kongsi Gee Hin. Pada zaman itu, kongsi gelap menolong tauke-tauke China mengawal pekerja mereka, sambil menguruskan sarang candu, pelacur serta rumah judi.

Kegiatan kesatuan-kesatuan itu telah mengekalkan kedudukan tauke-tauke mereka, jawatan Kapitan China itu sentiasa direbutkan dengan hebatnya. Yap Ah Loy berjaya menewaskan saingan-saingannya setelah berlakunya beberapa pertempuran dan pembunuhan.

Berdasarkan ini, tidaklah salah kalau kita mengambarkan Raja Abdullah sebagai seorang hulubalang feudal, dan Yap Ah Loy pula sebagai *gangster* yang paling besar sekali pada zamannya. Oleh itu, patutkah orang-orang Melayu merasa bangga terhadap Raja Abdullah sebagai simbol kewibawaan nenek moyang mereka? Begitu juga, adakah orang China mahu mengambil Yap Ah Loy sebagai wakil sumbangan orang-orang China terhadap pembangunan negeri ini?

Adakah penting yang mana satu telah membuka K.L.? Hanya mereka yang berminat menjadikan satu kaum itu lebih penting dari yang satu lagi yang akan menekankan soal ini. Mungkin, inilah caranya ahli politik menjadi *hero* masing-masing.

Akhir sekali issu pembukaan K.L. harus dilihat dari keadaan politik negeri-negeri Melayu pada masa itu. Pada pertengahan abad kesembilan belas, telah berlaku beberapa perang saudara di Negeri-negeri Melayu ini. Pihak-pihak yang berperang itu biasanya adalah gabungan antara pembesar-pembesar Melayu dan ketua kongsi gelap China.

Usahasama Ali Baba yang awal ini bertujuan merebut atau mengekalkan kuasa pembesar-pembesar Melayu terhadap kawasan-kawasan tertentu serta penduduk di dalamnya, dan juga kuasa peniaga-peniaga China terhadap lombong-lombong bijih serta kuli-kuli yang bekerja di dalamnya. Bagi rakyat biasa nasib mereka adalah seperti kata perpatah *gajah dengan gajah berjuang, pelanduk mati di tengah.*

Pihak British pula hanya menyaksikan sahaja pertempuran-pertempuran ini dari jajahan-jajahan Selat mereka. Dari tahun 1874, mereka mulai campurtangan. Lima belas tahun selepas pembukaannya, K.L. dan kebanyakan negeri-negeri Melayu lain telah pun dikuasai oleh British selepas perjanjian Pangkor ditandatangani.

Zaman ini bukanlah zaman cermelang dalam sejarah Malaysia. Akan tetapi, apa yang berlaku di Malaya juga telah berlaku di negeri-negeri Dunia Ketiga lain yang telah dijajah. Tidak ada sebab bagi kita mempunyai perasaan malu terhadap kewibawaan dan sumbangan nenek moyang kita atau pun perasaan terhadap mereka atas apa yang telah berlaku.

Yang penting ialah cuba memahami apa yang telah berlaku dengan lebeh jelas dan mendalam. Dan sekiranya kita benar-benar berminat mendidik generasi akan datang mengenai sejarah negeri ini yang sebenarnya adalah bijak mereka ini mengkaji dahulu masalah kejayaan serta kegagalan rakyat kita pada keseluruhannya, dan bukan mengalakkan mereka bertengkar mengenai siapakah yang membuka K.L. Kalau tidak, lebih baiklah kita mengemukakan pula persoalan dalam konvensyen yang akan datang, bukan mengenai siapakah yang membuka K.L., tetapi siapakah yang telah menggadaikannya. NI

JESSE OWENS: BEYOND OLYMPIC GOLD

EARL OF ARI

In a statement eulogizing Olympic great Jesse Owens, a U.S. politician called Owens' an accomplishment in the 1936 Olympic Games in Berlin "an example of the American dream come true." But these political figures who scrambled to express their praise of Owens as a "true American" neglected to mention the realities of Owens' life after his Olympic triumph.

Berlin was undoubtedly Owens' finest hour as both athlete and symbol of human achievement. The track and field man won stunning victories in the face of Adolph Hitler's fascist insistance on Aryan superiority. He won four gold medals at the games, all of which Hitler refused to recognize. But Owens' triumphs did not insure him a comfortable niche in U.S. society.

Owens, who died of lung cancer in March this year at the age of 66, was a Black man with roots in the South. His father was a sharecropper in Alabama who migrated to Cleveland when Owens was a child in order to escape the poverty of racial oppression.

Owens' father, along with thousands of other Blacks, discovered that Cleveland was far from being a city of hope and prosperity. Jesse Owens encountered extreme hardships and deprivation. Through his determination to escape grinding poverty he excelled in school and sharpened his athletic skills—all while holding a job.

Jesse Owens in 1936.

The work and personal sacrifice paid off when he was awarded a college scholarship. There, Owens set numerous college and national records while competing in his specialties: the long jump, the 100, 220 and low hurdles. In a 1935 meet, Owens managed to set world records in three events.

Off The Record

But what generally is not known are the problems Owens encountered immediately following the games. While U.S. officials were publicly praising him for his achievements in his triumph against Hitler, the U.S. Amateur Athletic union (AAU), Owens' track promoter, had ordered him to run in a series of European exhibitions. In a 10-day period, Owens raced eight times and lost 14 pounds.

The AAU, not satisfied with this, set up even more exhibitions. Drained by the physical demands of competition, Owens refused to compete. All the accolades which he received in Berlin meant little. And the AAU then suspended him and later banned him from amateur sports.

After being abandoned by the athletic decision makers, the next step for Owens was to try to make a living the best way he could. For nearly a year he made his money

Years later Owens looked back on this experience with bitterness. "It makes me sick now to even think of it. But I did it until one day I couldn't do it anymore. There was just no hiding this from myself one minute longer. I was the animal, the horse was the one that had retained its dignity."

by racing motorcycles and horses all over the country.

Years later Owens looked back on this experience with bitterness. "It makes me sick now to even think of it. But I did it until one day I could't do it anymore. There was just no hiding this from myself one minute longer. I was the animal, the horse was the one that had retained its dignity."

As Owens would soon discover, this would be only the first in a series of hardships and broken dreams. He tried his hand at several low-paying menial jobs such as maintenance work and playground instruction at $30 a week. Later, he sank all of his life savings into a candy store which failed dismally.

Owens then decided that if he was to make any headway, he would have to capitalize on the luster his name still held. Through the war years and the decades that followed, Owens established himself as a personality, always available for a speech on the theme of the beauty of sports.

During the 1960s, he was hired to do promotion for the U.S. Olympic Committee. This opened up fresh business opportunities. His troubles were far from over, however. In 1965, he was indicted for income tax evasion and the speaking engagements soon stopped coming in. His public relations firm went out of business.

Political Sport?

But Owens' name was soon to be brightened by the media. Anxious to find someone to counter the rising tide of militancy among Black athletes, Owens was called upon to counter the protesters. He was bitter in his denunciations of the actions of Black sports activists in the Mexico City Games in 1968. Politics had no place in sport, he told the world. "Of course, injustices needed to be corrected," he noted. "But the Olympics should not be used as a battleground for civil rights."

Harry Edwards, a sports sociologist and an outspoken advocate of an Olympic Games boycott by Blacks in 1968, reminded Owens of his treatment through the years by the track world establishment This included Owens' own statement to friends he had never been put on any Olympic committee or policy group.

Edwards felt that Owens was being used by Olympic officials because of his reputation and color. Owens reassessed many of his position and political thought.

This led him to accept the cause of Black Power and even included a criticism of his 1970 book "Blackthink," in which he attacked Black militants. This quickly led him to write another book, entitled "I Have Changed." "Militancy," he wrote, "is a lot healthier for the young Black" than being "cool" and apathetic.

Throughout his life, Owens prided himself on being able to speak independently and make his own decisions regardless of the consequences. A month before his death, Owens demanded the Carter administration stop using the Olympic athletes as pawns in his political contest with the Soviet Union.

Unfortunately, Owens' humanitarian dream was clouded by the realities of racism and the tensions of the world political scene. Politics, despite Owens' hopes, are always present when nations face nations, whether at the conference table, on the battlefield or on the sportsfield. But for Jesse Owens, the Olympic ideal of peace and human togetherness remained a real world goal.

UNTUK NUSA DAN BANGSA

DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT

K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

SINGAPURA DILANGGAR MODAL

Republik Singapura, sebuah pulau yang menjadi negara-bandaraya yang didiami oleh seramai 2.1 juta penduduk (75% daripadanya ialah keturunan Cina), mencapai kemerdekaannya lima belas tahun dahulu —Pada bulan Ogos 1965—selepas dua tahun yang penuh gelora sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Dibuka pada tahun 1819 sebagai sebuah pelabuhan dan kemudiannya menjadi pangkalan tentera untuk Empayar British, Singapura telah menjadi pelabuhan yang ketiga paling besar di dunia serta salah sebuah pusat penapisan minyak yang penting. Perkapalan, perdagangan dan kewangan juga menjadi asas ekonominya.

Di samping itu, Singapura telah melancarkan suatu rancangan memajukan perindustrian dengan bergantung pada modal serta teknologi asing. Untuk menjayakan dasar ini, pihak berkuasanya berusaha mewujudkan *kestabilan politik* yang nampaknya agak meyakinkan para pelabur.

Pimpinan Teknokrat

Parti Tindakan Rakyat (PAP), yang mengaku dirinya sebagai sebuah parti *sosialis demokratik* sekarang ini dikuasi sepenuhnya oleh golongan para cerdik pandai dan ahli profesyenal atau teknokrat yang berpendidikan Barat di bawah pimpinan Lee Kuan Yew. Pada suatu ketika dulu, PAP pernah berganding bahu dengan gerakan kiri yang mendapat sokongan kelas pekerja yang meluas.

Pada tahun 1961, golongan kiri ini telah memisahkan diri mereka dan menubuhkan Barisan Sosialis (BS). BS telah dihancurkan secara sistematik oleh British dan PAP dengan menangkap pemimpin-pemimpin secara beramai-ramai dan mengugut ahli serta penyokongnya.

Kini, Singapura menjadi sebuah negara yang hanya mempunyai satu parti yang berkesan. PAP ini telah berjaya menguasai akhbar, kesatuan buruh, universiti, angkatan tentera dan persatuan tetangga dengan begitu berkesan.

Golongan elit teknokrat yang terdapat di puncak pimpinan PAP dan lapisan tertinggi perkhidmatan awam, adalah perancang pembangunan di Singapura. Lee Kuan Yew telah mengepali kabinetnya yang berbakat serta bijaksana dalam pembentukan sebuah negara-bandaraya yang boleh digelar sebagai suatu contoh pembangunan kapitalis yang berjaya dan menjadi *syurga* kepada pelabur-pelabur asing.

Strateginya didukung pula dengan fahaman bahawa *yang bijak harus berkuasa (meritocratic-elitist).* Misalnya, Lee Kuan Yew pernah mendakwa bahawa Singapura akan jahanam jika sebuah *jumbo jet* yang membawa seramai 300 orang pemimpin utamanya jatuh terhempas.

Galakan & Paksaan

Gabungan langkah-langkah *menggalak dan memaksa* telah menjayakan pembangunan di Singapura serta menjaminkan pengekalan kua-

Lee Kuan Yew

sa parti pemerintah. Oleh kerana PAP giat memajukan pembangunan kapitalis dan sangat berminat untuk menjadikan pulau itu sebagai pusat modal asing, di Asia Tenggara, galakan itu telah diberikan kepada peniaga dari Barat dan Asia Timur sendiri. Paksaan pula dikenakan terhadap kaum pekerja serta unsur-unsur yang mempunyai fahaman yang berlainan dengan PAP.

Peniaga-peniaga asing sangat tertarik hati dengan beberapa langkah *galakan pelaburan,* termasuk pelepasan cukai, subsidi kerajaan serta kebebasan membawa pulang segala keuntungan. Yang paling mustahak, terdapatnya tenaga buruh yang ramai, murah (kalau dibandingkan dengan ekonomi barat atau Jepun), patuh dan cekap, yang datang dari Singapura sendiri, ataupun dari ne-

geri-negeri jiran, terutamanya Malaysia (lihat ulasan buku keluaran NI ini).

Pihak pemerintah berjaya melahirkan kaum pekerja yang patuh ini dengan menyediakan beberapa kemudahan kepada rakyat umum, seperti perumahan awam, perkhidmatan sosial dan peluang pekerjaan, di samping meguatkuasakan undang-undang buruh yang ketat.

Pergantungan

Oleh kerana Singapura begitu bergantung pada syarikat asing dan pasaran dunia, ekonominya amat sensitif terhadap perkembangan dalam ekonomi antarabangsa. Misalnya, pada tahun 1973, harga-harga telah naik sebanyak 40% pukul rata, mengikut sumber-sumber resmi. Berpuluh-puluh ribu orang telah dibuang kerja dan ramai pula terpaksa menerima tawaran masa kerja yang pendek dengan kadar upah yang dipotong.

Keadaan ekonomi kapitalis dunia juga telah menjadi suatu alasan bagi syarikat-syarikat asing untuk mengurangkan kegiatan mereka di Singapura dan berpindah ke kawasan lain (seperti Malaysia) yang lebih menguntungkan (kerana menawarkan tenaga buruh yang bergaji lebih murah disertai dengan galakan-galakan pelaburan yang lebih menarik).

Keadaan terbiar yang dialami oleh sekumpulan penduduk di Singapura jarang disebutkan secara resmi. Mereka ialah orang Melayu yang kini merupakan 15% dari jumlah penduduk pulau itu. Golongan ini telah diketepikan secara sistematis dalam bidang pelajaran dan pekerjaan walaupun segelintir dari golongan ini menikmati *peluang istimewa* dari pihak pemerintah.

Belia-belia Melayu jarang dipanggil berkhidmat dalam angkatan tentera, sedangkan itu sepatutnya merupakan perkhidmatan wajib. Oleh kerana itu, belia-belia Melayu ini dinafikan segala keistimewaan yang dikhaskan untuk lelaki yang telah menghabiskan perkhidmatan wajib itu. Walau bagaimanapun, mereka dapat pekerjaan bertaraf rendah, seperti tukang kebun, pemandu kenderaan, budak pejabat, pelayan, pekerja kilang dan seumpamanya.

Di Rantau Asia Tenggara

Peranan yang dimainkan oleh Singapura sebagai *orang tengah* di rantau ini dianggap sebagai suatu kegiatan yang melibatkan pemerasan. Hakikat ini pernah mencetuskan tindakan pemulauan terhadap Singapura, misalnya oleh pengekspot lada dari Malaysia. Sungguhpun begitu, pemerintah pulau itu berpendapat bahawa hal tersebut boleh diatasi dengan cara mengambil langkah-langkah supaya jiran-jirannya akan terus bergantung pada perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan dan kewangannya yang lebih *maju*.

Keinginan untuk *terus hidup* (survival) adalah salah satu ungkapan yang disukai oleh pihak pemerintah, sama seperti *pragamatisme* dan *tahan lasak*. Ungkapan-ungkapan ini menjadikan penduduk-penduduk pulau kecil itu membanggakan keterpencilan dan keunggulan diri mereka sebagai sekumpulan orang China di rantau Asia Tenggara, yang sebahagian besarnya didiami oleh orang Melayu. Oleh demikian, pihak berkuasa terus menyuburkan perasaan kegentaran kaum dan *cauvinisme* untuk mendapat sokongan rakyat.

Sikap terhadap jiran, yang ditiru dari Israel, pernah dijadikan contoh untuk Singapura, walaupun keadaan dunia kini tidak membolehkannya dijadikan contoh secara terbuka lagi. Sikap ini semakin diperkukuhkan oleh arahan yang mewajibkan belia-belianya (kecuali Melayu) berkhidmat dalam angkatan tentera, yang pernah menelan sebanyak 30% dari jumlah belanjawan negara.

Negara Polis?

Bagi ramai pemerhati, Singapura merupakan sebuah *negara* polis. Kebebasan-kebebasan yang demokratis —seperti kebebasan akhbar, kebebasan berkumpul dan berorganisasi



—tidak wujud lagi.

Selepas akhbar-akhbar *Eastern Sun* dan *Singapore Herald* ditutup melalui tekanan terhadap punca kewangan mereka, dan penahanan pengarang-pengarang *Nanyang Siang Pau*, pihak kerajaan telah menguatkuasakan pula sebuah Akta Akhbar baru mulai tahun 1974. Menurut undang-undang baru ini, pihak kerajaan menguasai lebih dari 75% dari kuasa mengundi dalam kesemua syarikat akhbar.

Penerbitan-penerbitan lain, seperti risalah-risalah mahasiswa, hanya boleh diterbitkan setelah diberikan lesen oleh pihak berkuasa, dan biasanya, lesen ini ditarik balik. Kesemua ini tidaklah mengherankan. Lee Kuan Yew pernah menyatakan bahawa beliau sendiri yang akan menentukan apa yang sesuai untuk dicetak di Singapura.

Sebarang kritik terhadap dasar-dasar kerajaan dianggap sebagai *anti-nasional*. Sebagai contoh, wartawan *Newsweek* di Singapura telah didapati bersalah menghina mahkamah apabila menyebutkan bahawa sistem mahkamah di Singapura itu tidak bebas dari pengaruh pihak berkuasa.

Siapa sahaja yang menentang pihak berkuasa di Singapura itu akan menghadapi bahaya yang besar—diugut oleh pihak polis dan disumbatkan ke dalam penjara tanpa dibicarakan. Dalam penjara-penjara di Singapura itu, terdapat ramai tahanan-tahanan politik yang terdiri dari doktor, ahli parlimen, peguam, wartawan, pemimpin kesatuan sekerja, penuntut, penjaja dan pekerja. Ada di antara mereka yang telah meringkuk dalam penjara sejak awal tahun 1963.

Menurut suatu laporan, Lee Kuan Yew pernah mengakui, "Kami mempunyai seramai lebih dari 100 orang tahanan politik, yang tidak mempunyai sebarang bukti untuk dibicarakan". Penindasan yang dilakukan oleh pemerintah Singapura telah menarik perhatian antarabangsa. Amnesty International, sebuah badan yang giat memperjuangkan hak asasi politik manusia, pernah mengeluarkan *dua* buah laporan mengenai penahanan tanpa bicara serta penyiksaan yang dilakukan oleh regim Lee. Pada penghujung tahun 1979, lebih kurang 10 orang belia Islam telah ditahan atas tuduhan-tuduhan berkaitan dengan kegiatan-kegiatan dakwah mereka, mengikut sebuah akhbar antarabangsa.

Pada tahun 1977, PAP terpaksa menarik diri dari badan Socialist International setelah dituduh melanggar prinsip-prinsip sosialisme demokratik sendiri. Seorang ahli parlimen Malaysia, Fan Yew Teng, telah menarik dirinya dari partinya, DAP, kerana tidak setuju dengan sikap pucuk pimpinan parti itu terhadap PAP Singapura. Mengikutnya, DAP bermuka dua dalam soal hak asasi politik kerana membela PAP di sidang-sidang antarabangsa sambil mengutuk kerajaan Barisan Nasional atas dasarnya yang lebih kurang serupa.

Kesemua penuntut yang memasuki badan pengajian di peringkat maktab ke atas mestilah terlebih dahulu disiasat latar belakang politiknya oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Sungguhpun demikian, beberapa tahun lalu, pihak berkuasa Singapura tetap merasa perlu untuk menghancurkan kepimpinan Persatuan Mahasiswa Universiti Singapura yang pernah bergiat menyokong tindakan-tindakan demi kepentingan ramai, seperti menentang kenaikan tambang bas dan tindakan pembuangan kerja secara beramai-ramai.

Dua puluh empat tahun dahulu, sewaktu menentang pentadbiran penjajah di Singapura, Lee Kwan Yew sendiri pernah mengeluarkan kata-kata, "Penindasan itu umpama mengadakan percumbuan—lebih mudah bila diulang. Dalam melakukannya buat kali pertama, mungkin wujud rasa kesal atau bersalah. Tetapi setelah biasa dan diulang-ulang, akan hilang rasa segan-silu, malah menyeronokkan".

Pada tahun 1955, Lee Kuan Yew sendiri pernah menyoal, "Jika menangkap dan menahan seseorang tanpa dibicarakan atas undang-undang tertentu tidak boleh disifatkan sebagai penindasan kuku besi—sedangkan itulah yang ditentang dalam negara-negara *fascist*—apa pula



gelaran yang patut diberikan kepadanya?"

Pada tahun 1974, Lee telah mengakui: "Selain dari cara-cara tekanan biasa yang kami pelajari dari barat, kami juga mempunyai alat-alat soal-siasat istimewa, berdasarkan cara-cara penyiksaan zaman lampau, yang dicipta untuk menambahkan rasa sakit .... Kami juga telah memodenkan cara-cara menyiksa ini dengan menambahkan alat-alat elektrik dan elektronik, bunyi *Stereophonic* untuk menghebatkan bunyi keganasan, dan mengadakan gelpmbang-gelombang bunyi yang rendah untuk melahirkan suasana gempa bumi.... Dengan cara ini, kami dapat mengubah seorang pengkritik yang berani dan lantang kepada seorang yang bersedia untuk bermuka-muka dan patuh".

Pada bulan November 1971, apabila beliau dianugerahkan ijazah kehormatan oleh sebuah universiti di England, akhbar *Sunday Times* di London, menerbitkan lidah pengarang yang bertajuk *Doktor undang-undang dan Pakar Ketidakadilan*, seperti berikut:

"Encik Lee ... bolehlah mengaku dirinya sebagai seorang sosialis demokrat, tetapi minatnya terhadap perbahasan nasional adalah sempit, hanya berkaitan dengan perkara-perkara yang digemarinya sahaja. Singapura mempunyai sebuah perlimen dengan parti tunggal yang sepatutnya membolehkannya membenarkan bangkangan yang bertanggungjawab di luar parlimen. Tetapi tidak. Kebebasan bertutur telah dihapuskan dengan cara sosialis demokrat ini yang begitu terkenal, iaitu penahanan tanpa bicara. Akhbar-akhbar di Singapura telah pun dibelenggu ....

"Beliau (Lee) telah menghapuskan juri ... sewaktu undang-undang ini diubah, beliau telah menyekat percubaan-percubaan untuk membincangkannya di Singapura. Atas arahannya, akhbar-akhbar dilarang dari menyiarkan perkara yang berkaitan dengan hal-hal tersebut. Ketetapan serta memorandum badan peguam mengenai hal tersebut juga telah dipendamkan. Ramai orang Inggeris liberal, yang tidak menyedari hakikat ini, tertarik hati dengan kepetahannya bercakap dan kebijaksanaannya serta sifat-sifat lainnya yang zahir, lalu menganggapnya sebagai seorang negarawan antarabangsa".



Tentera Angkatan Singapura. Sebuah negara kecil sedang bersedia.

Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa kecekapan Lee—dari segi penindasan yang dilakukannya, seperti juga dalam hal-hal lain—telah berjaya mengawal rakyat Singapura serta pekerja-pekerja pendatang di pulau itu demi kepentingan pembangunan kapitalis yang pesat, Nampaknya, tumpuan perhatian Lee sekarang adalah terhadap masalah menyediakan pucuk pimpinan pemerintah baru yang teknokratik supaya dasar-dasar pokoknya dapat dilanjutkan.

Strategi pembangunan Singapura bagi tahun lapan puluhan adalah untuk meningkatkan taraf teknologi industri-industri di Singapura. Sistem pelajaran sedang diubahsuaikan untuk tujuan ini dan kegunaan Bahasa Inggeris makin ditekankan demi kepentingan syarikat-syarikat antara bangsa.

Pemerintah Singapura juga sedang merapatkan dirinya dengan negara China (dari segi ekonomi dan dasar antarabangsa) dan pulau Taiwan (dari segi ketenteraan). Walaupun kerjaan Singapura masih belum mengadakan hubungan diplomatik dengan pemerintah Peking—kononnya, oleh kerana Indonesia belum membuat demikian—perkembangan ini akan terus membimbangkan jiran-jirannya.

Soal terpenting sekarang, nampaknya, ialah sama ada pihak pembangkang utama di Singapura—terutamanya golongan kiri—akan terperangkap dengan helah Lee sekali lagi. Apakah sokongan tegas Lee kepada pendirian negara China dan Amerika Syarikat dalam hal ehwal dunia akan mengubah pendirian puak kiri terhadapnya? Ini akan bergantung kepada faktor serta kuasa yang mempengaruhi pemikiran dan pendirian golongan kiri itu sendiri.

NI

PEKERJA MALAYSIA DITINDAS DI SINGAPURA

THE PLIGHT OF MALAYSIAN WORKERS IN SINGAPORE

(35 muka Harga: $1.00 Penerbit' Persatuan Siswazah Selangor 127 Jalan 17/14 Petaling Jaya Selangor).



Kini terdapat lebih dari 100,000 pekerja Malaysia bekerja di Singapura. Mereka merupakan satu pertujuh dari jumlah tenaga-kerja di Singapura. Sayang sekali masalah-masalah yang mereka hadapi tidak diketahui umum.

Buku ini walaupun amat sederhana tetapi mempunyai perangkaan-perangkaan yang cukup untuk menggambarkan keadaan pekerja-pekerja ini. Orang ramai tentunya akan merasa amat terharu bila membaca layanan yang mereka terima.

Satu kenyataan yang kurang disedari bahawa kepesatan perkembangan ekonomi Singapura sebahagian besarnya bergantung kepada kerja yang dibuat oleh pekerja-pekerja Malaysia. Mereka melakukan kerja-kerja yang paling berat, kotor dan bahaya. Mereka tidak hanya terpaksa menghadapi beban yang berat tetapi juga menghadapi risiko kemalangan, kecederaan dan kematian yang paling tinggi di tempat keria mereka.

Kebanyakan dari pekerja Malaysia bertumpu di sektor perkilangan (iaitu pembinaan dan pembaikan kapal, pembuatan kain, elektronik, dll) dan di sektor pembinaan (iaitu pembinaan jalan, lapangan terbang hotel, flat HDB dan rumah). Kira-kira 40% daripada pekerja-pekerja kilang di Singapura adalah rakyat Malaysia.

Malah, Menteri Pembangunan Nasional Singapura, Lim Kim San mengakui sumbangan yang diberikan oleh pekerja-pekerja Malaysia ini. 'Perusahaan pembinaan di Singapura tidak akan dapat berjalan jika ia bergantung kepada rakyat Singapura sebagai sumber tenaga buruh', katanya.

Tetapi sejak tahun-tahun kebelakangan ini, keadaan bekerja semakin bertambah merbahaya, terutama sekali di tempat-tempat ramai terdapat pekerja-pekerja Malaysia. Dalam tahun 1974, jumlah kematian perusahaan meningkat kepada 166 berbanding dengan 72 dalam tahun 1973. Lima puluh empat kematian darinya berlaku dalam bidang pembinaan.

Keadaan tempat tinggal pekerja-pekerja Malaysia juga tidak baik. Seorang pekerja Malaysia di sebuah kilang di Jurong memberitahu *Business Times* (Malaysia); 'Kehidupan kami ialah kerja, makan, tidur. Kami mempunyai waktu rehat hanya 20 minit dalam tempoh 8 jam bekerja sehari. Kami bekerja mengikut giliran 6 hari seminggu dengan gaji $7/- sehari. Saya memakan makanan yang hampir sama setiap hari dan jika saya pergi menonton wayang, wang saya tidak akan berbaki lagi.'

Bagi pekerja-pekerja Malaysia, kos hidup di Singapura adalah amat tinggi. Tepat sekali pekerja-pekerja luar di sini terpaksa menghadapi keadaan hidup yang pahit. Upah yang rendah dan tempat tinggal yang sesak merupakan keadaan yang cukup menyiksakan di Singapura ini.

Di samping itu, terdapat pula berbagai bentuk diskriminasi dikenakan kepada mereka. Kerajaan Singapura mengenakan berbagai-bagai sekatan secara resmi; umpamanya di bawah undang-undang Buruh Singapura, pekerja-pekerja Malaysia tidak dibenarkan bertukar pekerjaan dalam masa 3 tahun pertama mereka berkerja. Ini membolehkan majikan mendapatkan keuntungan besar dengan membayar upah dan menyediakan keadaan berkerja yang minima, sedangkan pekerja-pekerja itu mencurahkan tenaga mereka sepenuhnya.

Mereka tidak dibenarkan meme-

gang sebarang jawatan dalam kesatuan sekerja. Ada di antara mereka yang telah diperintahkan keluar dari Singapura semata-mata kerana mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja.

Tetapi yang paling mencengkam sekali ialah adanya sekatan yang dikenakan oleh Undang-Undang Singapura yang tidak membenarkan perkahwinan antara pekerja-pekerja Malaysia dengan rakyat Singapura kecuali mereka mendapat *'permit kahwin'*. Kebenaran ini hanya akan diberi jika pasangan bersetuju untuk dimandulkan selepas kelahiran anak kedua. Peraturan ini adalah bertentangan dengan Peristiharan Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga ditandatangani oleh Singapura.

Buku hasil ini mengandungi fakta-fakta yang diambil dari berbagai sumber; antaranya ialah *The Straits Times, Far Eastern Economic Review, Financial Times* serta sebuah kumpulan di Singapura yang berminat terhadap masalah ini.

Membiarkan keadaan ini berterusan tanpa mengambil sebarang langkah mengatasinya adalah merupakan sesuatu yang amat pahit. Malah kepada orang-orang Malaysia secara keseluruhannya, perkara ini merupakan satu cabaran yang hebat: 'Kehormatan dan harga diri kita sebagai sebuah negara hanya dapat dipulihkan jika kita mengambil langkah-langkah supaya pekerja-pekerja kita tidak ditindas sama ada dari segi ekonomi, sosial atau budaya oleh sebuah negara lain semata-mata untuk keuntungan mereka. . . .'

Sekarang, pekerja-pekerja Malaysia terpaksa berkerja di Singapura oleh kerana peluang kerja kurang dan kadar gaji terlalu murah di Malaysia sendiri. Untuk mengatasi masalah penindasan mereka ini di Singapura, keadaan di Malaysia sendiri perlu diperbaiki supaya para pekerja berkenaan boleh menyumbangkan tenaga mereka demi pembangunan tanah air kita sendiri. NI

THE SINGAPORE STORY. *From Raffles to Lee Kuan Yew. Noel Barber. (London: Fontana Paperbacks, 1978) 224pp S1.25*

Every Asian country seems to spawn a brood of foreigners devoted to the nation with an uncritical bias, who follow every move of the government as a faithful dog would its master. Ex-colonies, for various reasons, including the undeserved comforts they can often offer expatriates, seem to generate more than the usual number of unofficial PR men.

One of these is Noel Barber, whose account of Singapore's history gives the reader the impression that the firsthalf of the book is a glorification of Sir Thomas Stamford Raffles and that the second half is an equally partial testimonial to the author's friend, Lee Kuan Yew.

Throughout the book, one gets the feeling one is hearing an opinion, not a history. Too much of the narrative involves stories and opinion of his personal friends. Even the account of the unbelievable British ineptitudes, which allowed Singapore to fall into the hands of the Japanese with such ease, shifts the blame to "outsiders" rather than the resident colonialists. Subsequent images of the war against the Japanese and the suppression of the Malayan communists by the British are viewed through the eyes of interned Europeans and ambushed planters.

The book succeeds as a fairly readable and cohesive Colonialist's view of the history of the colonialists in Singapore. Those who seek a balanced history of an island on the tip of Malaya will have to look elsewhere.

PERSONAL OPINION. *Alex Josey. (Singapore: Federal Publications (S) Pte Ltd, 1978 224pp S$ 6.50*

Alex Josey, a journalist for over 50 years, offers us a selection of short anecdotes, observations and comments on a wide range of subjects, most of them bearing some relevance to life in Singapore.

In the introduction to his book, the author explains the importance of holding personal opinions and somewhat curiously cites the Singapore government as an example of government which encourages dissenting opinion.

"It was recognized that MPs have a duty in the absence of an Opposition to speak up vigorously when occasion demands," says Josey. Indeed, the reader of this book gets the impression that the author is more concerned with holding the opinion than with what those opinions are.

More than sixty 2-4 page articles diverse field of thought. There are the obligatory fleeting observations of Sukarno, Chou En Lai, Chu Teh and other Asian leaders that seem to pour off the pens of all contentedly established Old Asia Hands.

There are current affairs tidbits, scientific and historical musings, observations on human existence, and perhaps most interestingly, a few pieces about the Soviet Union, viewed through Josey's Far East-tinted spectacles.

Recommended for dentists' waiting rooms. Light reading. NI

AL-KISAH KAPITALISME *(Sambungan dari bulan lalu)*

BAB 4

100 JUTA ORANG DI TAWAN

Orang-orang Sepanyol dan Portugis terus menguasai perdagangan di lautan Hindi dan menakluki tanah jajahan di seluruh Amerika. Tetapi di negeri lain di Eropah, kaum kapitalis sibok membincangkan cara-cara memperkukuhkan kedudukan mereka.

John Hawkins sedang berminum dengan seorang sahabat-nya.

-Inilah bahan yang boleh membawa untung besar kepada kita - kopi dengan gula.

-Ini kopi Portugis. Mereka bijak. Mereka sudah menanam kopi di Amerika.

-Celaka! kalau begitu harga kopi akan turun. Cuba bayangkan kalau kau orang Portugis, berapa banyak yang kau boleh untung.

-Jangan marahkan mereka. Memang betul mereka ada banyak wang, tapi kita juga boleh..... (mengolok ke kiri dan ke kanan sambil berbisik).

-..... kita boleh ambil orang kulit hitam jadi buruh. Mula-mula orang asli yang di paksa bekerja di ladang, tapi orang asli itu dah mati.... jadi sekarang mereka lebih suka membeli hamba. Aku tahu di mana kita boleh membeli hamba.

CERITA SEBENAR MENGENAI

JOHN HAWKINS

John, seperti yang anda saksikan, garang, kasar dan tidak berhati perut.

Dialah yang akan merosakkan Afrika.

Musim panas, London 1562, John Hawkins sedang menerangkan sesuatu kepada beber-rapa orang saudagar ---kalau tuan-tuan boleh menyediakan tiga buah kepal untuk saya, lengkap dengan askar-askar dan sedikit barang untuk pertukaran, saya berjanji akan membawa balik untung berlipat ganda atas modal yang tuan laburkan.

Pada 3hb Ogos, 3 buah kapal belayar dari pelabuhan London.

....."nah, pisau yang terbaik dari Manchester, 10 bilah pisau dan 10 ela kain untuk ditukarkan bagi seorang hamba. Saya akan muatkan kapal ini dengan abdi yang kuat"

John memperolehi segala yang dikehenda-kinya, tapi ia masih tidak berpuas hati.

....."awak-awak, lihat! masih ada sebuah kampong disana."

Kampong dibakar dan yang menentang di-bunuh. Kini perahu telah penuh dengan muatan. Bagus. Ada 300 abdi semuanya. Kita tinggalkan tempat ini sekarang"

Di tengah laut mereka menjual abdi ini kepada kapal Portugis. "Wang! Untung!"

Di seberang lautan Atlantik, lanun menjual muatan hidup mereka.

"Kapal ini sudah sarat benar dengan muatan, tapi tak apa, kita tentu dapat untung besar! Tuan-tuan punya ladang membayar harga tinggi."

John berpuas hati.

Dengan wang yang diperolehi, John membeli halia, kulit binatang dan gula. Kapal sudah cukup sarat. Mereka membeli dua buah kapal lagi sebelum belayar pulang.

Barang bernilai belaka.

Di London, John menjual semua yang dibawanya. Saudagar-saudagar yang mendahulukan modal sangat gembira dengan keuntungan besar yang diperolehi olen John untuk mereka. John serta-merta menjadi orang kaya. Ratu Elizabeth memberi penghormatan kepada saudagar yang memajukan perdagangan hamba abdi ini.

PERDAGANGAN HAMBA ABDI SEGERA MENINGKAT. KAPAL-KAPAL DARI ENGLAND, BELANDA, GERMAN, DENMARK, PORTUGAL DAN SEPANYOL BELAYAR SEPANJANG PANTAI BARAT AFRIKA UNTUK MEMBELI ABDI

Mereka mengupah orang kulit hitam menjalankan pekerjaan ini

Aku beli 100 orang hamba abdi. Ambil! Senapang ini.

Nah, 6 ela kain dan 10 pucuk senapang sebagai bayaran

Hamba abdi di buru hingga ke kawasan kerajaan Kongo. Rakyat mengadukan perkara ini kepada raja mereka bernama Affonso.

PEMBURU ABDI ITU DATANG MENCULIK ANAK KECIL SAYA. SEMASA DIA BERMAIN DI HALAMAN RUMAH.

SEMUA KAWAN-KAWAN YANG KELUAR BERBURU DENGAN SAYA TELAH DITAWAN. SAYA SEORANG SAJA YANG TERSELAMAT

SEMUA PENDUDUK KAMPUNG PATEK TELAH DI BUNUH. TOLONG LAH KAMI, TUANKU

RAJA AFFONSO MENGIRIM PERUTUSAN PEMI PERUTUSAN KEPADA SAHABAT-NYA, RAJA PORTUGIS.

Emanuel yang dihormati,
Sungguh pun saya telah mengharamkan penggunaan senjata yang di bawa oleh saudagar -saudagar tuan didalam kawasan pemerintahan kami, kebanyakan pembesar saya tidak lagi patuh kepada perintah kami kerana tuan mempunyai lebih banyak harta daripada apa yang kami miliki Saudagar-saudagar tuan mengambil anak-anak kami, lelaki dan perempuan, setiap hari. Keghairahan saudagar-saudagar tuan ini akan meleyapkan penduduk negeri saya, saudagar ku yang di hormati, kami memerlukan bantuan tuan dalam hal ini. Harap Tuan dapat mengharamkan saudagar -saudagar tuan dari menjual senjata api. Adalah menjadi harapan kami agar perjualan hamba abdi tidak berlaku di negeri ini.
Affonso.



JAWAPAN SURAT Affonso DI KIRIMKAN MELALUI SAUDAGAR.

AFFONSO YANG DIMULIAKAN,
HARAP TUAN TIDAK BERKECIL HATI. KITA MESTI-LAH SENTIASA MENGIKUT PEREDARAN MASA. PEMBELIAN DAN PENJUALAN HAMBA ABDI SUDAH MENJADI PERNIAGAAN PENTING DI EROPAH. TIDAK ADA SUATU KUASA PUN DI DUNIA INI YANG DAPAT MENGHENTIKANNYA. TAMBAHAN PULA, SAYA TIDAK MEMPUNYAI APA-APA KUASA DALAM PERNIAGAAN INI. SAYA SENDIRI SUDAH BANYAK BERHUTANG DENGAN SAUDAGAR-SAUDAGAR TERSEBUT.
SALAM BERPISAHAN,
Emanuel.

Rakyat Kongo tidak dapat mempertahankan diri mereka dengan panah dan lembing, terhadap serangan pemburu-pemburu hamba abdi. Mereka mesti memiliki senapang. Dan senapang hanya boleh didapati dari Eropah. Raja Affonso menghantar wakilnya

*Sambung bulan depan

ASAS 50 & MASYARAKAT

Abdullah Hussein

(Dipetik dari **'Kata Pengantar'** kepada **Memoranda**)

Angkatan Sasterawan 50 telah didirikan pada tangal 6 Ogos 1950 di Singapura, dan inilah persatuan bahasa dan sastera yang mula-mula sekali didirikan di Singapura sesudah Perang Dunia Kedua. Persatuan ini mempunyai anggota-anggota pengurus yang tidak saja memiliki kebolehan dalam lapangan bahasa dan sastera, tetapi juga mempunyai cita-cita kebangsaan dan kemanusian dengan faham-faham politiknya.

Kebanyakan anggota-anggota pengurusnya itu adalah bekas anggota badan-badan politik kebangsaan ataupun yang bersimpati dengan gerakan-gerakan politik kebangsaan yang progresif yang memperjuangkan kemerdekaan, kemakmuran dan keamanan. Dengan persatuan ini mereka berharap akan dapat mempersatukan pendirian dan cita-cita para penulis muda dan bekerja untuk memupuk bahasa dan kesusasteraan Melayu yang membawa semangat baru.

Asas 50 ini mempunyai tempat yang penting dalam sejarah perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu baru kerana sejak mula didirikan ia telah bergerak bersama-sama dengan kerabat-kerabat Kongres serta seluruh masyarakat umumnya dengan sikap yang tegas bahwa bahasa dan kesusasteraan Melayu adalah alat untuk perpaduan kebangsaan, dan mereka tidak saja berusaha membina bahasa dan kesusasteraan Melayu dengan semboyan *'Seni untuk Masyarakat'* tetapi juga cergas mencari dan memperluas pembaruan dalam lapangan tersebut, dengan keyakinan bahwa bahasa dan kesusasteraan itu alat dalam perjuangan menuju kemerdekaan, keadilan, kemakmuran, keamanan dan perdamaian.

Tiap-tiap perkara yang menyentuh masalah bahasa dan kesusasteraan Melayu menjadi perhatian yang sungguh-sungguh dari Asas 50. Pendirian dan tindakan yang tegas dalam perkara-perkara ini dapat dibaca di dalam memorandum-memorandumnya kepada Suruhanjaya Perlembagaan Rendell, mengenai Tulisan Rumi untuk Bahasa Melayu, mengenai Penyata Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu 1956, mengenai Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka dan memorandum kepada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga mengenai Balai Pustaka, mengenai Penyatuan Bahasa Melayu Malaya dan Indonesia, mengenai Perkembangan Bahasa Melayu sekarang dan akan datang dan mengenai Peranan Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah; juga di dalam kertas-kertas kerja yang ditulis oleh anggota-anggotanya mengenai ejaan, bunyi-bahasa, puisi, prosa, Bahasa Melayu sehari-hari di kalangan kaum buruh dan Bahasa Melayu di dalam filem.

NI

S. Husin Ali

PERANAN & PENGARUH ASAS 50

S. Husin Ali

(Dipetik dari **Bahasa**, II, 2 (1960) yang berdasarkan latihan ilmiahnya untuk B.A. (Hon.) Universiti Malaya.)

Dari mulanya, konsep-konsep baru soal-soal bahasa yang dibawa oleh angkatan baru yang tergolong dalam Asas 50 itu tidak dapat mendapat sokongan daripada golongan tua. Sering mereka diperejekkan kerana suka bertutur dengan logat Indonesia, dan pernah jua pihak pengelola Radio Malaya menegur mereka tentang hal ini dan meminta mereka memberi ceramah-ceramah dengan menggunakan logat Riau Johor.

Selalu pula mereka dituduh hendak menghapuskan kepercayaan orang-orang Melayu terhadap agama Islam, oleh sebab terlalu berkeras hendak menjadikan Tulisan Rumi tulisan resmi. Dan tidak jarang pula pihak-pihak tua mengatakan mereka hendak merosakkan Bahasa Melayu dengan mengatakan perkataan-perkataan luar, terutama sekali yang digunakan di Indonesia, dan dengan menggunakan jalan bahasa yang agak terpesong sedikit daripada galib digunakan dalam Bahasa Melayu tulen dan asli.

Akan tetapi segala tuduhan dan ejekan ini tidak mematahkan semangat mereka. Mereka memandang logat Riau Johor sebagai Logat 'minority' yang sangat kecil, jika dibandingkan dengan logat yang digunakan secara resmi oleh lebih

kurang 80 juta manusia di Indonesia. Mereka sedar bahwa tulisan Rumi bukan saja lebih baik daripada tulisan Jawi, akan tetapi ejaan ini dapat meluaskan lagi penggunaan Bahasa Melayu di kalangan orang-orang bukan Melayu, dan dapat pula menjadi asas penyamaan dan penyatuan kedua-dua Bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia dan Indonesia itu.

Akhirnya mereka berpegang dengan pendapat bahwa sebagai bahasa yang hidup, Bahasa Melayu seharusnya jangan disekat daripada menerima pembaruan dan penambahan dari sudut susunankata (syntax) dan perbendaharaan kata-kata (vocabulary).

Pengaruh dan kejayaan Asas 50 dalam lapangan bahasa boleh diukur daripada:

i. Sambutan yang diberi oleh umum, dan
ii. Perjalanan dan keputusan-keputusan persidangan dan kongres bahasa dan persuratan yang telah tiga kali diadakan itu.

Sungguhpun, seperti yang telah dikemukakan, golongan tua tidak memberi sokongan mereka, akan tetapi golongan muda telah mengikuti jejak Asas 50. Sebelum setahun umur Asas 50, telah terbit Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan, Angkatan Sasterawan Pantai Timur dan Asas Utama Pulau Pinang.

Bukan saja badan-badan ini telah mengambil sempena nama Asas 50, akan tetapi mereka boleh dikatakan tunduk kepada pendapat-pendapat yang sama dengan pendapat-pendapat Asas 50. Badan-badan inilah yang sering menyokong pendirian Asas 50, semenjak dari mulanya. Pada jangka panjangnya sokongan golongan muda lebih menguntungkan.

Mengkaji keputusan-keputusan persidangan dan kongres bahasa dan persuratan, kita dapat melihat bagaimana dari semasa ke semasa pengaruh Asas 50 semakin luas. Dalam persidangan yang pertama, apabila Asas 50 telah mencadangkan supaya tulisan rumi dijadikan tulisan resmi, mereka telah dibangkang dan dialahkan dengan suara yang terbanyak.

Akan tetapi dalam kongres yang kedua, tulisan Rumi telah diterima sebagai tulisan resmi, dengan syarat tulisan Jawi tidak dihapuskan. Ini merupakan satu "Compromise" dan jua satu kemenangan bagi angkatan muda yang dipelopori dan 'diketuai' oleh Asas 50 itu.

Sebenarnya memang tidak boleh dinafikan bahawa masyarakat tidak boleh diubah dan dimajukan hanya dengan bercerita atau bersajak saja.

Akhirnya dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke II, Rumi dan Jawi tidak menjadi soal lagi. Semua badan-badan yang hadir, sama ada daripada angkatan baru ataupun angkatan lama bersetuju dengan sebulatnya bahwa Rumi mempunyai peranan yang lebih besar daripada Jawi, dan sama-sama hendak menyama serta menyatukan bukan saja ejaan, akan tetapi jua penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Bahkan dalam Kongres ini jua diambil ketetapan supaya bunyi bahasa yang berdasarkan bahasa Indonesia itu digunakan di Malaya.

Walaupun Lembaga Tetap, yaitu badan pengelola yang telah dibentuk dalam Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu Ke III untuk menjalankan segala keputusan-keputusan Kongres itu tidak dapat menjalankan kerjanya, akan tetapi sekurang-kurangnya dalam soal ejaan, apa yang dicitakan-citakan oleh Asas 50 dan semua badan-badan yang sependapat dengannya, akan menerima kejayaan.

Penyata Pelajaran 1956, yang menjadi dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, menetapkan supaya ejaan Rumi digunakan untuk mengajar bahasa kebangsaan (Bahasa Melayu).

Juga pemerintah, menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka, telah membentuk sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji keputusan Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu Ke III mengenai soal ejaan. Sungguhpun tidak ada seorangpun yang boleh dikatakan mewakili angaktan baru dalam Jawatankuasa itu, akan tetapi satu perkara sudah nyata: jawatankuasa itu akan mengambil ketetapan yang akan boleh membuka jalan untuk penyamaan dan penyatuan ejaan Bahasa Mealyu dan Indonesia.

Memang salah kalau disangka perbedaan di antara Lembaga Bahasa Melayu dan Asas 50 terdapat hanya pada konsep-konsep mereka tentang bahasa. Dalam lapangan sastera, perbedaan mereka bukan pada konsep saja akan tetapi pada bentuk dan isi. Pengarang-pengarang dalam Lembaga Bahasa Melayu menulis nobel, dan yang menjadi tema mereka ialah tema yang tradisional, yaitu menceritakan bahwa baik itu akan senantisa dibalas oleh baik, dan jahat dibalas oleh jahat.

Dalam perlawanan di antara jahat dan baik, yang baik pada akhirnya mesti menang juga, walaupun terlebih dulu terpaksa menjalani beberapa kesusahan dan kepahitan. Tema-tema serupa ini yang sebetulnya memang 'Simple' dan *'automatic'* sangat, tidak hendak diteruskan oleh Asas 50.

Asas 50 pada mulanya dirancang dan ditubuhkan oleh orang-orang yang sama mendukung cita-cita hendak mengadakan pembaharuan dan aliran yang maju dalam sastera Melayu. Sungguhpun mereka menyetujui prinsip ini, akan tetapi nampaknya penafsiran dalam pengertian 'membawa pembaharuan dan aliran maju' itu tidak rata dipersetujui oleh semua anggota Asas 50.

Setelah berlaku perbincangan-perbincangan di antara Asraf dan

Hamzah, perbedaan penafsiran ini semakin renggang jauh dan akhirnya membawa salah faham. Kebetulan pula pada masa itu ('52, 53) Asraf menjadi ketua Asas 50; dan sungguhpun Hamzah sendiri telah menjadi seorang pengasas Asas 50, dan ketuanya yang pertama, akan tetapi ia telah perlahan-perlahan mengasingkan diri dari Asas 50.

Akhirnya pada bulan April 1954, bersama-sama dengan penyokong-penyokongnya yang sedikit itu, Hamzah telah menubuhkan PAPMB. Tidak dapat disangkal bahwa perselisihan ini telah melemahkan Asas 50, dan nyaris-nyaris lagi membunuhnya. Akan tetapi sebaliknya tidak pula ia memberi kemenangan atau kekuataan kepada Hamzah dan penyokong-penyokongnya. Persatuan yang mereka tubuhkan tidak bergerak sedikitpun dari mulanya.

Sungguhpun Asas dilemahkan akan tetapi pengaruhnya telah luas dirasai. Mereka telah dapat menyebarkan seluas-luasnya idea-idea dan pendapat-pendapat mereka; bukan menerusi penerbitan sendiri, kerana mereka tidak mempunyai ini, akan tetapi menerusi majalah *Mastika* dan mingguan *Utusan Zaman*. Keris Mas, Asraf dan Tongkat Warrant telah berganti-ganti menjadi pengarang majalah dan minguan yang sangat besar pengaruhnya di kalangan masyarakat Melayu itu.

Bukan saja mereka boleh menggunakan penerbitan ini bagi mengemukakan pendapat-pendapat mereka, akan tetapi dapat juga menyiarkan hanya cerita-cerita dan sajak-sajak yang mereka fikirkan sesuai dengan pendapat mereka itu. Kebanyakan daripada cerita-cerita dan sajak-sajak ini adalah hasil-hasil ciptaan teman-teman seangkatan dengan mereka.

Kalau luaspun pengaruh Asas 50, akan tetapi tidaklah sampai tercapai cita-cita mereka hendak memperbaiki keadaan masyarakat dan memajukan aliran fikiran mereka. Penulis-penulis muda itu boleh bercerita, akan tetapi oleh sebab kekurangan pengetahuannya, mereka tidak dapat memecahkan soal-soal yang dikemukakan dalam cerita-cerita itu.

Lagi pula karangan-karangan mereka tidak sampai kepada anggota-anggota masyarakat yang hendak mereka sedarkan, kerana orang-orang tidak membaca karangan-karangan itu ataupun tidak boleh membacanya (buta huruf). Sebenarnya memang tidak boleh dinafikan bahwa masyarakat tidak boleh diubah dan dimajukan hanya dengan bercerita atau bersajak saja.

Walaupun tidak jaya pada cita-cita yang tinggi ini, namun angkatan muda telah menjalankan satu peranan besar lagi penting. Dengan berterusterang mengemukakan kenyataan-kenyataan hidup yang benar-benar terdapat dalam masyarakat, dan dengan mengemukakan segala ini dengan cara dan dalam bentuk yang baru, mereka telah dapat membawa pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu.

Sebagaimana dalam soal bahasa juga, pelopor-pelopor pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin Asas 50. Secara langsung boleh dikatakan bahwa Asas 50lah yang telah berjaya melepaskan bahasa dan kesusasteraan Melayu daripada ikatan-ikatan dan pengaruh-pengaruh lama yang masih dilanjutkan oleh penulis-penulis dari Lembaga Bahasa Melayu itu. NI

foto : Dewan Sastera

Selepas Mesyuarat Penubuhan ASAS '50

SENDI DASAR

"SENI UNTUK MASYARAKAT"

Asraf
(dari *Utusan Zaman*, 18.11.51)

Harapan kita sekarang kembali menyala. Keinginan untuk menuju pembaharuan kiranya tidak dapat disekat-sekat lagi. Hasrat mahu mencapai nilai kesusasteraan yang tertinggi memang tidak boleh ditekan. Menyala . . . terus menyala.

Sungguh terbukti sekali hal ini daripada tulisan-tulisan Bachtiar Djamily dan Awam-il Sarkam. Memang saya turut sekarang menyokong pendapat saudara-saudara itu bahawa kita tidak meraba-raba lagi. Memang kita sekarang mempunyai tujuan yang tertentu apabila dengan terang-terang sudah diingatkan oleh Bachtiar dan Awam tentang tujuan kita ke arah pembaruan dengan memegang semboyan *seni untuk masyarakat.*

Awam-il Sarkam tidak rela kalau kedua faham *seni untuk masyarakat* dan *seni untuk seni* itu dilupakan begitu sahaja. Bagus Bung. Ya, memang suatu langkah yang tolol betul kalau kita harus melupakan begitu saja kedua haluan tersebut. Dan inilah yang kita harapkan sekarang. Kedua haluan ini tidak boleh dilupakan, kerana bukankah haluan-haluan itu merupakan pembuka jalan ke arah kesedaran baru dalam alam kesusasteraan kita?

Adanya satu kesedaran baru ini belumlah boleh kita sebut satu revolusi, baik kecil ataupun besar, dalam kesusteraan kita. Kesedaran baru ini hanya baru merupakan satu evolusi fikiran yang menjadi tapak permulaan ke arah perubahan yang lebih besar apabila segenap fikiran kelak mengalami orientasi (pertukaran menurut penyesuaian dengan keadaan keliling) yang dapat menggerakkan tenaga praktik (bekerja). Tenaga praktik boleh dapat ditimbulkan hanya apabila orientasi fikiran merupakan orientasi yang sebenarnya, dari fikiran yang lama kepada yang baru, dari alam hayal kepada alam kenyataan. Dan kesusasteraan sebagai alat penggerak adalah sangat perlu untuk ditukar daripada seni kesusasteraan yang tidak bertujuan kepada kesusasteraan yang bertujuan untuk masyarakat rakyat.

Hanya sekarang yang harus kita perluas ialah penyelidikan tentang lunas-lunas yang lebih dalam lagi dari seni kesusasteraan yang bertujuan dan yang tidak bertujuan itu.

Utusan Melayu, awal tahun lima puluhan. (Asraf di tengah.) Di kanan ialah Kris Mas.

Dan inilah perlunya kita mengadakan polemik. Gunanya polemik rasanya tak perlu kita terangkan sekarang kerana hasil dari polemik ini dengan sendirinya kelak akan memberikan jawapan. Tetapi kalau kita bertujuan untuk mencapai hasil yang baik daripada polemik ini, maka perlulah sama-sama kita ingat bahawa jalannya polemik haruslah jangan dibiarkan menempuh kekeruhan. Kita harus mencari kejernihan dalam polemik kita, dan ini bererti meminta penelitian dan menapis fikiran-fikiran orang lain. Tidak akan ada kesukarannya untuk mencari kejernihan itu kalau kita sama-sama bersandar pada lunas-lunas atau dasar ilmu pengetahuan. Sentimen (perasaan melulu) hendaknya jangan diberi tempat dalam melancarkan polemik kita yang kelak akan kita pertanggungjawabkan sebagai cita-cita pembaharuan Angkatan 50. Sekali lagi saya tegaskan bahawa polemik ini hendaklah kita pertanggungjawabkan kepada Angkatan 50. Polimik ini kelak akan menjadi suatu ukuran sejauh mana jalan fikiran yang ada dalam kalangan kita, kalangan Angkatan 50.

Dengan penelitian saya maksudkan bahawa apa yang tertulis dalam suatu rencana haruslah diperhati arah maksudnya. Ini sangat perlu kerana jika tidak ada penelitian, maka mungkin lekas timbul salah sangka yang sangat mengelirukan dan kadang-kadang boleh juga menimbulkan kekeruhan.

Bachtiar merasa seolah- olah tersinggung oleh pertanyaan, "apakah kita sekarang harus senyap kembali—mungkin kerana sudah merasa puashati dengan kesempatan yang telah didapati untuk menjeritkan tuntutan hak karangan-karangan?" Pertanyaan ini hendaknya janganlah diberi tafsiran yang berlainan dari maksud yang sebenarnya. Saya sama sekali tidak bermaksud menyinggung, tetapi hanya mahu mengingatkan bahawa perjuangan angkatan sasterawan-sasterawan muda kita hendaknya jangan sampai pada tingkat menuntut pembaharuan hak-hak karangan sahaja. Bukankah jeritan-jeritan yang dilaungkan itu kini telah memberikan hasil juga, yaitu dalam hal pembayaran hak-hak karangan? Untuk penyataan lebih tegas, maka saya hendak menyebutkan bahawa kemenangan ini adalah mengandungi riwayat yang perlu dicacat dalam lembaran sejarah pembangunan kesusteraan Melayu. Kita angkat topi pada pahlawan-pahlawan yang menyusun barisan untuk menumbangkan benteng pertama yang menyekat kemajuan kesusasteraan Melayu selama ini.

Sekarang kembali kita ke pokok soal. Kembali kita membincangkan haluan *seni untuk masyarakat* dan *seni untuk seni* semata.

Bachtiar Dajmily mengatakan bahawa sebelum kedua haluan ini diketengahkan ke dalam kesusasteraan kita, sebenarnya amalan telah dijalankan terlebih dulu. Saya akui, tetapi amalan yang dimaksudkan oleh Bachtiar itu adalah merupakan percubaan-percubaan belaka yang belum dapat dilihat dengan nyata oleh semua golongan akan tujuan-tujuan yang sebenarnya. Dan oleh itu tidakkah tepat kalau haluan *seni untuk masyarakat* dan *seni untuk seni* itu dilaungkan supaya segala perhatian tertumpu ke arah itu?

Cita-cita untuk mengadakan perubahan dalam kesusasteraan Melayu akan lebih nyata kesannya apabila kesedaran dapat meluas dalam jiwa setiap pendukung sastera kita serta orang-orang yang mempunyai perhatian ke arah pembangunan kebudayaan baru. Pengluasan dari kesedaran ini dapat diadakan apabila kita semua menumpukan perhatian di sekeliling perbincangan-perbincangan mengenai suatu aliran fikiran *(trend of thought)* yang tegas. Dan inilah maksud kita mengemukakan haluan *seni untuk masyarakat* dan *seni untuk seni* itu, supaya daripada situ kita dapat mengambil dan membongkar inti pati yang dapat ditimbulkan oleh kedua haluan itu.

Haluan *seni untuk seni* dan *seni untuk masyarakat* ini sebenarnya bukanlah haluan baru dalam kesusasteraan dunia, kerana orang sudah

Pelancaran Minggu Bahasa Yang Pertama, awal enam puluhan. Asraf, Usman Awang, Prof. Slametmuljana dan Za'ba.

Mewakili ASAS 50 bersama Awam il-Sarkam, Abu Zaki Fadhil dan lain-lain di Kongres Bahasa Pertama, Hotel Sea View, Singapura

mulai mengenal haluan-haluan ini semenjak zaman pujangga Tennyson dalam abad ke 19 di England. Tetapi, meskipun telah satu kurun haluan-haluan ini dikenal orang, namun perbincangan-perbincangan mengenai haluan-haluan ini masih tetap berlanjutan terus-menerus hingga sekarang, terutama di Eropah Timur.

Di Indonesia, haluan ini mulai dikenal oleh angkatan Pujangga Baru dalam tahun 1938, apabila Sutan Shahrir menganjurkan supaya kesusasteraan baru Indonesia ditujukan untuk masyarakat rakyat. Dan sekarang perbincangan mengenai kedua halaman ini menjalar pula kedalam masyarakat Melayu, dalam kalangan angkatan baru, angkatan kita —Angkatan 50.

Apabila sekarang kita sudah mulai membincangkan kedua haluan ini, maka timbullah pertanyaan, "haluan manakah yang lebih baik?" Masing-masing boleh memberi jawapan. Tiap-tiap orang yang merasa bertanggungjawab boleh menyatakan fikirannya. Tanggungjawab yang saya maksudkan ini haruslah dititikberatkan pada keyakinan sendiri setelah mengadakan pertimbangan yang saksama terhadap fikiran-fikiran orang lain mengenai kedua haluan ini.

Awam-il Sarkam dan Bachtiar Djamily sudah membayangkan kecenderungan ke arah *seni untuk masyarakat* dan saya percaya bahawa tentu banyak orang-orang lain yang turut menyetujui haluan *seni untuk masyarakat* ini. Hanya yang masih lagi samar-samar dan yang masih meminta pertimbangan ialah tentang bagaimana caranya kesusasteraan dapat ditujukan untuk masyarakat.

Untuk mencari satu pertimbangan yang tepat tentang bagaimana caranya kesusasteraan dapat ditujukan untuk masyarakat, maka terlebih dahulu kita harus mengadakan ukuran-ukuran bagi kesempurnaan maksud seni kesusasteraan.

Saya meletakkan ukuran-ukuran itu pada tiga sendi dasar:— (1) bahan *(material)*, (2) bentuk *(form)*, (3) isi fikiran *(idea content)*.

Setelah perlaksanaan atas tiga sendi dasar di atas, baru kesusasteraan dapat ditujukan untuk masyarakat dalam ertikata yang sebenarnya. Jadi tujuan atau maksud boleh dikatakan sebagai sendi dasar kesusasteraan. Dengan ini bererti bahawa perlaksanaan tujuan kesusasteraan adalah sangat bergantung pada kesempurnaan dalam perlaksanaan atas tiga sendi dasar itu terlebih dahulu. Jika perlaksanaan atas ketiga-tiga sendi dasar itu dapat mencapai tingkat kesempurnaan yang setinggi-tingginya, maka baru kesusasteraan dapat meningkat mutu seni dalam ertikata seni yang sebenar-benarnya, dan seni itu akan mempunyai harga yang setinggi-tingginya apabila disertakan dengan tujuan yang tentu untuk masyarakat rakyat, untuk membangun jiwa rakyat. Inilah sebabnya maka haluan *seni untuk masyarakat* lebih tinggi dan lebih baik daripada haluan *seni untuk seni* semata, kerana kalau *seni untuk seni* semata hanya bertujuan ke arah mencapai tingkat kesempurnaan untuk seni sahaja, maka haluan *seni untuk masyarakat* tidak sahaja menuju ke arah tingkat bentuk seni, tetapi juga ke arah maksud untuk membangun masyarakat rakyat. Jadi dengan ini bererti bahawa satu seni kesusasteraan yang bertujuan untuk masyarakat rakyat bukanlah satu kesusasteraan yang tidak menghiraukan mutu seni yang mempunyai keindahan bentuk, kesempurnaan isi, dan keluasan bahan.

Saya rasa ada baiknya kalau polemik kita ini ditujukan bukan sahaja untuk memperbincangkan maksud atau tujuan seni tetapi juga untuk memperbincangkan hal-hal yang mengenai bahan-bahan karangan, bentuk seni dan isi fikiran. NI

cerpen

MENJELANG MERDEKA

Keris Mas

KEADAAN di luar sudah mulai sunyi. Rokok yang kuhisap ini ialah yang penghabisan dari sisa bungkus yang baru sebatang kuhisap lepas minum pagi tadi. Kain jendela bergerak-gerak dimainkan angin yang mulai ringan ditinggalkan embun. Fikiran beralih pada rokok lain; dan sekarang sedang dibeli isteriku di pasar.

Menjelang Merdeka sudah tertulis pada kertas taip yang terletak di hadapanku. Baru itu saja yang siap sejak dua jam tadi. Maksudku hendak menulis gambaran rasa keperibadian manusia Tanah Melayu menyambut kemerdekaan Tanahair yang sudah lama diperjuangkan ini. Tiap kali kuulang membaca tajuk itu, tiap kali pula hilang kesimpulan-kesimpulan yang hendak kusimpulkan. Yang mengganggu ialah ingatan lain; ingatan pada Shahrum ini mengganggu maka kehendak pada rokok pun datang. Habislah sudah rokok sebungkus.

Sharum datang ke rumah malam tadi. Badannya yang tinggi tegap itu tidak melampai lagi tetapi telah membo-yot, agak memberat pada perutnya. Tunggal-tunggal jambang membayang kebiruan pada pipi yang mereh, licin bercukur. Dagu yang dulu selalu kasar sekarang kelihatan halus dan agak melebam. Dan di belakang dagu itu memboyot pula dagu kedua yang dulunya tidak ada.

Macam bintang filem Shahrum sekarang, kata isteriku. Barangkali terbayang padanya awak P. Ramli. Tetapi aku teringat sepatah kata seorang mahaguru bahawa kebanyakan mahasiswanya 'memelihara perut' belaka apabila telah meninggalkan asrama Dunearn Road. Apakah perut memboyot itu tanda terpelihara, tidaklah menjadi pokok persoalannya kerana dia pun tahu kebanyakan perut orang-orang muda tidak lekas memboyot kalau tidak banyak dituangkan alkohol. Dan kata pengarang buku *And The Rain My Drink* banyak Pegawai Melayu menjadi gemuk apabila lepas umur tiga puluh.

Shahrum belum lagi tiga puluhan, Paling tinggi umurnya dua puluh sembilan tahun. Baru beberapa tahun yang lalu dia meninggalkan *University*, dan sejak itu kami tidak pernah berjumpa. Khabarnya dia menjadi Pegawai MCS seperti bekas-bekas mahasiswa yang lain juga. Aku tidak pernah percaya pada khabar-khabar itu sebab pandangan hidup Shahrum dalam masa di *University* jauh berlainan dari pandangan hidup rakan-rakannya. Ia tidak pernah menunjukkan keinginan hendak menjadi pegawai yang memerintah. Pokok percakapannya selalu tentang rakyat, tentang kehidupan golongan yang menderita, tentang ekonomi dan pendidikan nasional. Orang seperti Shahrum tentu tidak akan mengejar pangkat seperti yang dicita-citakan oleh kawan-kawannya. MCS membawa orang ke atas dan menjauhkan diri dari hakikat kehidupan rakyat, kehidupan kebangsaan, katanya. Dan dia pernah menyatakan di dalam satu *forum* bahawa memberi pimpinan kepada rakyat mestilah dilakukan dari tengah-tengah rakyat itu sendiri, tidak dari suatu kedudukan yang jauh terpencil di atas.
sekarang ini. Ayahnya sekarang mengidap penyakit 'jiwa' dan penyakit tua. Dan katanya, 'Ayah saya seorang perjuangan kemerdekaan dan kebangsaan. Ia pernah meninggalkan jawatannya dan kedudukannya yang baik kerana hendak memimpin rakyat. Ia telah melalui berbagai-bagai penderitaan—rohani dan jasmani. Sekarang orang akan merdeka, orang tua yang *berjasa* itu terbuang saja seperti sampah di tepi jalan.'

Minta pembalasan jasa. Itulah saja yang tidak disebut oleh Shahrum tentang ayahnya. Tetapi padaku hal seperti itu tidak menjadi kehairanan lagi. Bekas tahanan darurat sekarang sudah banyak yang menunjukkan bulunya sama seperti pejuang-pejuang yang tidak pernah masuk tahanan juga. Adakah ayah Shahrum masih meneruskan perjuangannya atau sekurang-kurangnya masih yakin akan dasar perjuangan lamanya itu, tidak aku nyatakan. Orang yang masih percaya pada diri dan keyakinan tidak akan berhenti walau sebentar pun hanya kerana menun-

Sebagai seorang mahasiswa yang sentiasa tidak teratur pakaian, makanan, pergaulan dan pembacaannya maka Shahrum merupakan seorang muda yang ganjil di dalam ratusan pemuda-pemuda Melayu di *University* itu. Padaku keganjilan itu bukan pada tidak teraturnya saja tetapi pada cara berfikir dan cara ini menyatakan pendapat yang tepat-tepat dan tegas, menunjukkan bahawa ia mempunyai suatu tujuan hidup yang pasti, tiada dihubungkan dengan kemestian pangkat dan jawatan.

Ayah Shahrum seorang perjuangan kebangsaan. Waktu dia di *University* ayahnya 'beruniversity' pula dalam tahanan. Malam tadi ia banyak menceritakan hal ayahnya daripada hal dirinya sendiri. Tidak seperti di *University* dua pokok percakapannya selalu rakyat dan bangsa, sekarang pokok itu beralih kepada 'Ayah'. Dan itu sangat menarik perhatianku, menyebabkan aku merasa bahawa dia sekarang telah berubah dan perhatianku yang istimewa tertumpu pada perutnya yang memboyot dan awaknya yang kemas teratur itu. Tetapi kesungguhannya menceritakan hal ayahnya tidak memberikan kesempatan kepadaku hendak memanjangkan kisah tentang dirinya.

Daripada hal ayahnya itulah memecah langkah mengeritik dan memuji, menyokong dan membantah sikap perjuangan kemerdekaan dan keadaan pertadbiran negeri tut pembalasan jasa. Shahrum mestilah tahu benar ten-

tang rohani dan jasmani ayahnya. Tetapi aku melihat kemungkinan adanya perubahan yang besar berlaku dalam diri anak muda itu sendiri. Ia orang terpelajar; dan aku mesti berhati-hati benar.

Dekat hendak kudengar, iaitu tentang sambutan yang kuberi pada mula ia melangkah pintu rumahku tadi, bahawa 'dia sekarang sudah memelihara perut'.

Sambil memegang-megang perutnya yang subur itu dia berkata dengan senyum-senyum, 'Perut ini sudah tidak terpelihara lagi. Inilah macamnya perut pegawai yang sangat saya benci dulu.' Dia memasang rokok sebatang lagi, tambahan pada berpuluh-puluh batang yang telah kami habiskan sejak tadi. 'Dulu, rokok pun pada saya suatu benda yang asing, tetapi sekarang rokok dan minuman keras sudah menjadi kemestian; kemestian seorang pegawai.'

'Kemestian dibuat-buat,' kata isteriku memaliskan muka masamnya padaku.

Aku lekas-lekas berkata pada Shahrum, 'Menarik hati rasanya cerita ini. Bagaimana lagi selanjutnya?' Takut aku cetusan 'kemestian dibuat-buat' dari isteriku itu akan menyala. Dia sudah tahu aku pun sekarang sudah membiasakan 'kemestian' seperti itu kerana hendak menyelitkan diri dalam pergaulan pegawai-pegawai. Dan aku tahu 'kemestian' itu memang 'dibuat-buat' kerana ketiadaan kepercayaan pada diri sendiri.

Saya tidak gemar lagi menjadi pegawai macam ini. Bagaimana kata saudara berdua kalau saya masuk *Foreign Service?* Barangkali saya akan dapat keluar negeri dan lama kelamaan kelak saya boleh memajukan diri menjadi seorang yang berguna untuk negara dan bangsa,' kata Shahrum.

'Itulah yang baik sekali,' sampuk isteriku, lalu bercerita, atau lebih tepat kalau aku katakan berangan-angan, betapa hebat dan indahnya hidup di luar negeri, di ibu kota Barat atau Timur yang besar, dalam kalangan diplomat-diplomat. Panjang benar ceritanya hingga sampai pada perihal isteri Encik Asnil yang sekarang sedang-sedang bersedia-sedia hendak keluar negeri. Semua mengkagumkan dia. Dan kadang-kadang tidak dapat ia memelihara isi hatinya yang iri kerana tidak menjadi diplomat itu.

'Memang bagus rancangan itu,' kataku pada Shahrum, 'dan saudara sudah pun mengamalkan suatu *kemestian* sebagai seorang pegawai tinggi. *Kemestian* itu akan lebih *mesti* dalam kehidupan diplomat. Nanti saudara akan banyak ber*cocktail* dan ber*banquet*.'

'Dan perutku ini akan bertambah menarik perhatian orang bila aku pulang ke Tanahair,' sambung Shahrum.

Isteriku tersenyum masam kerana aku menekankan suara pada kalimat ynag akhir itu sambil memalis kepadanya. Dia hendak bercakap. Barangkali hendak menerangkan pendapat Nehru tentang diplomat-diplomat India dengan minuman keras. Tetapi Shahrum meneruskan katanya, 'Bukan itu tujuan saya. . . .'

Suasana menjadi sunyi. Kami menunggu bibir Shahrum bergerak. Dan aku mengenang-ngenangkan seluruh pengalaman Shahrum. Sekali-sekali terlintas pepatah pusaka Melayu di dalam kepalaku:

Hati marah melakukan,
Hati hiba membawa jauh. . . .

Adakah lojiknya pepatah Melayu ini? Aku masih memikir-mikirkan beberapa kemungkinan yang dialami oleh Shahrum di dalam dirinya. Pergaulannya di *University*, pembacaannya, cita-citanya, pekerjaannya sebagai seorang pegawai tinggi, rakyat yang hendak dipimpinnya dan ayahnya. Barangkali Shahrum sudah lama kehilangan peribadi dan cita-citanya. Barangkali sudah lama dia kehilangan kekuatan menjadi gemuk dan berlaku kebangsawanan-bangsawanan untuk mencari kekuatan dari luar.

Angin pagi makin lama makin melemah. Kian pintu hanya sekali-sekali bergerak malas; dan panas mulai menikam masuk, menggarisi hujung mejaku. Tajuk rencana *Menjelang Merdeka* masih belum terisi. Rokok sebungkus yang baru datang dari pasar sudah tinggal setengah. Dan dari dapur sudah tercium bau belacan dibakar. Sebentar lagi hawa panas akan membakar dan kekuatan di dalam diriku pun akan hilang. Perlukah aku mempunyai kipas angin atau sebuah bilik sejuk? Perlukah aku mengamalkan sesuatu 'kemestian' baru untuk menambah kekuatan di dalam diriku?

Buruh kerjaraya di hujung lorong kami sudah terdengar hiruk-pikuknya. Mereka menggali lubang dan menimbun lubang untuk menyudahkan rancangan kerjaraya menyambut merdeka. Hujan atau panas tidak mempengaruhi mereka. Kemestian-kemestian hidup mereka sudah tentu dan mereka mempunyai kekuatan sendiri didalam diri masing-masing. Mereka hidup dalam suatu alam fikiran yang mempunyai tafsiran sendiri bahawa 'salah dan betul, keadilan dan kezaliman, kebenaran dan

kepalsuan hanyalah anggapan umum yang diada-adakan; dipersetujui dan dipertahankan oleh masyarakat manusia untuk kepentingan dan kesenangan masing-masing atau dipaksa untuk kepentingan yang terkuat.'

Barangkali Shahrum sendiri telah kehilangan kekuatan di dalam dirinya oleh keadaan-keadaan, oleh pengaruh keliling dan oleh 'kemestian-kemestian' tertentu untuk golongan-golongan tertentu, hingga tersadai pada satu dogma. . . . 'Hati marah melakukan—hati hiba membawa jauh.'

Apakah ertinya merdeka bagi orang kampung dan orang kota, bagi kaum tani, nelayan dan kaum buruh, kalau mereka tidak mahu bekerja kuat,' kata Shahrum waktu menceritakan pengalamannya memimpin rakyat sebagai pegawai tinggi kerajaan.

'Nampaknya orang kaya juga yang akan bertambah kaya dan orang besar juga yang akan bertambah besar kemerdekaan tidak membawa erti kepada kehidupan kata isteriku. Aku tidak membantah isteriku kerana aku tahu bahawa dia seperti kebanyakan wanita-wanita lain juga, fikirannya kadang-kadang benar tetapi lojiknya di dasarkan pada kepentingan diri yang datang dari perasaan iri, bukannya dari kesedaran.

Mengakui kebenaran pendapat isteriku itu aku hanya menambah, 'Kekuatan bekerja hanya datang dari kesedaran dan ada kesempatan. Apakah erti yang dapat diberi oleh kemerdekaan kalau pemimpin-pemimpin tidak mempunyai kekuatan dalam diri mereka untuk membangkitkan kesedaran dan memberi kesempatan pada rakyat yang dipimpinnya?"

Kemerdekaan hanya suatu jambatan. Yang kita tuju di seberang jambatan itu ialah kehidupan kebangsaan yang mulia, makmur dan aman damai,' kata Shahrum. Dia meninggalkan rumah kami setelah hampir tengah malam. Barangkali itulah sikap sejatinya tentang kemerdekaan. Tetapi apakah pertimbangan dan nilai hidupnya sendiri tentang peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan yang sedang dihadapinya, tidaklah aku ketahui. Barangkali bagi dia menjadi diplomat itu suatu jambatan juga.

Hawa panas yang membakar itu datanglah sudah. Tajuk *Menjelang Merdeka* masih tinggal tidak terisi. Fikiran penuh oleh masalah-masalah hidup yang dikemukakan oleh Shahrum, masalah-masalah yang dialaminya dan yang mempengaruhinya; masalah ayahnya dan pemimpin-pemimpin politik, masalah dirinya dan 'kemestian-kemestian' yang terpaksa diterimanya, masalah kesedaran dan kesempatan untuk rakyat dalam pembangunan kehidupan kebangsaan yang mulia, makmur dan aman damai.

Yang lebih berkesan dalam fikiranku ialah perkataan Plato yang diulangi oleh Shahrum untuk membayangkan kegelisahan di dalam dirinya: 'Makin aku renungkan apa yang sedang berlaku dan apa coraknya orang-orang yang cergas dalam politik serta apa coraknya undang-undang dan adat yang ada pada kita, dan makin aku bertambah



tua, makinlah aku insaf betapa sukarnya hendak memulihkan kehidupan umum.'

Tetapi aku dan Shahrum bersetuju bahawa suasana di negeri Yunani yang menyebabkan terhukumnya pujangga besar Socrates dan mencetuskan bayangan kegelisahan fikiran pada muridnya Plato itu tidaklah sama dengan suasana kita sekarang. Demokrasi Athenia sudah berusia ribuan tahun dan demokrasi baru sudah mempunyai bentuk yang lebih maju.

'Hidup akan begini juga. Kita mesti berharap dan berdoa bahawa kemerdekaan ini menjadi jambatan yang dapat kita lalui dengan selamat ke seberang sana, ke alam kehidupan yang mulia, makmur dan aman damai,' kata isteriku.

Shahrum berfalsafah pula dengan mengulang kata Socrates bahawa kita tidak mesti berharap dan berdoa saja tetapi hendaklah berfikir dan bekerja, 'Kita akan menjadi lebih baik, lebih berani dan kurang berserah jika kita memikirkan bahawa kita perlu mencari dan menyelidiki. . . .'

Akhir *Menjelang Merdeka* tinggallah begitu saja; penuh dengan gangguan fikiran yang dibawakan oleh Shahrum. Tetapi penuh pula dengan kesyukuran dan harapan-harapan.

Seminggu lepas perayaan merdeka tersiarlah berita Shahrum akan berangkat ke luar negeri menjadi Pegawai Tinggi sebuah kedutaan Persekutuan Tanah Melayu. Lenyaplah seorang pemimpin muda dari tengah-tengah rakyat dan lahirlah seorang lagi pegawai tinggi yang akan menyemarakkan Tanahair dan Bangsa di luar negeri. Proses kebangunan Tanah Melayu berjalan terus menempuh jambatan merdeka. Dan isteriku mengambil peluang menghantar isteri Shahrum membeli bahan kain songket dan perhiasan-perhiasan perak ke Kota Bahru—lambang Tanah Melayu di luar negeri. NI

Dewan Bahasa, Oktober 1957

INI NASI YANG KUSUAP

Masuri S.N.

Ini nasi yang kusuap
pernah sekali menjadi padi harap,
melentok dipuput angin pokoknya kerap
tenang berisi tunduk menatap.

Ini butir nasi yang kukunyah
sedang kutelan melalui tekak basah,
jadi dari darah mengalir
dalam badan gerak berakhir.

Angin kencang mentari khatulistiwa
membakar raga petani di sawah
panas hujan dan tenaga masuk kira
dan nasi yang kusuap campuran dari semua.

Ini budi yang kusambut
pemberian lumrah beranting dan bertaut,
ini nasi hasil dari kerja
kembali pada siapa yang patut menerima.

Jadi yang kumakan bukan berasal dari nasi
tetapi peluh, darah dalam isi mengalir pasti,
jadi yang kutelan bukan berasal dari padi
tapi dari urat dari nadi seluruh pak tani.

Dewan Bahasa,
1958.

SERIBU HARAPAN

Masuri S.N.

Demi cahaya memancar dari segi harapan
membawa hati berani rasa akan menyiapkan
segala cita sekarang nanti mengukir menang,
bergerak satu barisan gagah di mana penuh sokongan.

Ah, besar membawa nama, dada rela melapang
menunggu setiap yang mahu lalu, yang mahu menerjang
akan ombak tenaga dari seluruh persatuan
yang sejak mula bergerak penuh seribu harapan.

Siapa rela, siapa nanti pergi mara berbakti;
sedang kawah panas dengan air membuas ganas
siapa berani, siapa nanti sanggup bermain api
yang menyambar, membakar, menjilat apa yang melintas.

Lihat semua sikap tidak gentar dibuai godaan
dengan membawa obor seribu sinar harapan.

1951,
Awang Putih.

PAK UTIH

Usman Awang

Punya satu isteri mau dakap sampai mati,
lima anak mau makan setiap hari,
teratak tua digayuti cerita pusaka,
sebidang tanah tandus untuk huma.

Kulit tangan tegang berbelulang,
biasa keluarkan peluh berapa saja,
O Pak Utih, petani yang berjasa.

Tapi malaria senang menjenguk mereka,
meski dalam sembahyang doa berjuta,
dan Mak Utih bisa panggil dukun kampung,
lalu jampi mentera serapah berulang-ulang.

Betapa Pak Dukun dan bekalan pulang,
wang dan ayam dara diikat bersilang.

Di kota pemimpin berteriak-teriak,
pilihanraya dan kemerdekaan rakyat,
seribu kemakmuran dalam negara berdaulat,
jambatan mas kemakmuran sampai ke akhirat.

Ketika kemenangan bersinar gemilang,
pemimpin atas mobil maju ke depan, dadanya terbuka,
ah, rakyat tercinta melambaikan tangan mereka.

Di mana-mana jamuan dan pesta makan,
ayam pangang yang enak di depan,
datang dari desa yang dijanjikan kemakmuran.
Pak Utih masih menanti dengan doa,
bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?

Utusan Zaman,
1954.

TANAH MELAYU

Usman Awang

Kita rakyat di bumi jantung ini,
Tiada beda dalam segala apa jua,
Penanam padi atau buruh memberi tenaga,
Terkepung dalam semboyan muluk 'demokrasi'.

Kita pembina semua ekonomi, begitulah!
Tetapi siapa yang bisa dirabai kemujuran,
Sedang tulang-tulang longgar berkisar,
Tuan-tuan penuh hormat sesucinya seperti malaikat?

Kita diminta membuat semua bakti,
Dari titik peluh sampai merah darah,
Memburu kematian di padang maut terdedah,
Saudara sama sendiri saling bunuh-membunuh.

Ketika penekanan jauh sampai ke tulang,
Dengarlah jeritan keras tani di ladang,
Dengarlah teriakan gemuruh buruh di kilang,
Sama bersatu sederap barisan bangun berjuang.

KEMUNCULAN FILEM MELAYU

dipetik dari:
Bahasa Melayu Di Dalam Filem Dan Sandiwara

oleh S. ROOMAI NOOR

Filem adalah suatu pendapatan baru di kalangan bangsa Eropah dan pendapatan ini hingga sekarang baru kira-kira 50 tahun saja. Masyarakat Melayu mulai mengenal filem baru kira-kira lebih sedikit dari 30 tahun, iaitu sejak filem bisu hinggalah kepada filem-filem bercakap seperti filem-filem Barat yang bentuknya sebagaimana yang ada hari ini.

Dengan itu tahulah kita bahawa filem adalah barang baru bagi masyarakat Melayu dan barang baru itu telah didatangkan dari Barat. Filem-filem Melayu baru saja dapat diselenggarakan kira-kira pada tahun 1938 oleh Syarikat Shaw Bros, yang memandang bahawa filem Melayu, kalau diselenggarakan, akan menguntungkan, dan tidak syak lagi tujuan pertama filem-filem Melayu diselenggarakan oleh pemodal-pemodal itu ialah untuk mencari keuntungan semata-mata.

Tahun tersebut merupakan batu tanda pertumbuhan filem-filem Melayu di Malaya. Walaupun hingga pecah Perang Dunia yang kedua jumlahnya hanya beberapa buah filem saja. Usaha-usaha yang telah dimulai itu, walaupun kurang lancar, tentu membuka lebar beberapa mata kaum modal lain, yang selama ini hanya memperhatikan kemajuan yang dicapai oleh filem-filem Barat yang didatangkan ke sini.

Sebaik-baik tamat saja Perang Dunia yang kedua, maka sebuah syarikat yang dimodali oleh bangsa India pula telah menyelenggarakan Filem Melayu. Syarikat ini hanya dapat membikin dua buah filem saja.

Walaupun kemajuan filem-filem Melayu yang telah diusahakannya pada zaman sebelum perang itu tiada kelihatan, tetapi Syarikat Shaw telah mendapat kejayaan yang dapat dikatakan paling besar pula, kerana Syarikat Shaw, selain dari mempunyai dan menguasai banyak panggung-panggung wayang di Singapura dan di Malaya, juga menggunakan kebijaksanaannya dalam perniagaan filem yang memang dialaminya itu, terutama membuat iklan yang besar-besar di dalam suratkhabar-suratkhabar, surat-surat siaran yang diedarkan dan poster-poster yang ditampalkan di mana-mana—di tembok dan di pokok-pokok, juga poster-poster besar yang diletakkan dekat dan di panggung-panggungnya.

Kejayaan yang dicapainya itu telah menimbulkan kemajuan yang luar biasa besarnya dalam usaha membikin filem-filem Melayu dan dapat pula dikatakan bahawa usahanya dari filem ke filem bertambah bagus. Hal ini adalah disebabkan oleh beraninya syarikat tersebut menggunakan alat-alat pembikin filem yang baik-baik dan moden dari Barat.

Melihat kemajuan yang dicapai oleh syarikat tersebut dalam usahanya membikin filem itu, maka muncullah pula beberapa buah syarikat filem yang lain, yang membuat filem-filem Melayu. Syarikat-syarikat yang baru muncul ini pun dimiliki oleh bangsa asing. Kecuali pada akhirnya muncul seorang saudagar Melayu untuk membuat filem Melayu pada tahun 1954. Saudagar ini hanya dapat membuat sebuah filem saja, iaitu dengan cara menyewa sebuah studio filem dari sebuah syarikat lainnya.

Mengulang kembali peristiwa di zaman pemerintahan Jepun, waktu itu usaha membikin filem Melayu telah juga dijalankan oleh Pejabat Penerangan Jepun, dan kalau tak salah ingatan saya hanya dua buah filem saja yang telah dapat diusahakannya dengan menggunakan alat-alat yang dipunyai oleh syarikat Shaw Bros.

Dalam tahun 1950 sebuah syarikat pembikinan filem dari Amerika telah mengusahakan sebuah filem Melayu bernama *Kampung Santosa*. Walaupun filem itu lebih merupakan filem propaganda, tetapi ketika ditayangkan di Malaya dan di Singapura telah mendapat sambutan yang hangat juga dari masyarakat.

Satu hal yang tidak kurang pentingnya ialah langkah kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Singapura mendirikan *Malaya Filem Unit* untuk kepentingan saranannya. *Malayan Filem Unit*, selain membikin banyak filem-filem yang bercorak *documentray*, telah mencuba pula membikin sebuah filem cerita yang diberi nama *Pengembaraan Yaakub*, iaitu pada tahun 1952.

Sebagaimana sudah saya singgung pada mula-mula tadi, bahawa filem adalah barang baru dalam masyarakat kita, didatangkan dari Barat, lebih-lebih lagi membikin filem haruslah dengan ilmu pengetahuan yang cukup tentangnya, maka selama ini—selama perusahaan filem Melayu terkembang—hampir semua pengemudi-pengemudi untuk melancarkan pembikinan filem Melayu itu terdiri daripada orang-orang asing yang mempunyai pengetahuan tentang hal tersebut, umpamanya penyusun cerita, pengarah, juru kamera dan *film editor*.

Dalam pembikinan filem, kata pemutusanya di tangan *producer* atau pengeluar filem itu sendiri. Dalam filem-filem Melayu *producer*nya ialah taukehnya sendiri. Misalnya, sebuah cerita yang sudah disusun oleh penyusun ceritanya haruslah dikemukakan terlebih dulu kepada *producer*nya. NI

GROW WITH

F&N

INSTANT FULL CREAM MILK POWDER

Enriched with vitamins A & D

·DELICIOUS
·NUTRITIOUS

Rasa Perisa

Special Filter

BENSON & HEDGES

ESTABLISHED 1873
OLD BOND STREET
LONDON

Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...
rasa yang cukup bermutu di dunia

Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges

AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA
MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN